

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 OGOS 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 OGOS 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.07/2013 bertarikh 31 Julai 2013.
4. Majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) Sebagai Ahli Majlis Sesi 2013.
5. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 5.1. Kertas Cadangan Keahlian Dalam Jawatankuasa Kecil Majlis Untuk Tuan Chua Yew Choong, Ahli Majlis Bagi Sesi 2013.
6. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 6.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.08/2013 .
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.08/2013.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.08/2013.
 - 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.08/2013.
 - 6.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.08/2013.

- 6.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil.15/2013.
- 6.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil.16/2013.
- 7. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Wong Khai Pun.
- 8. Penutup.

SULIT

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.08/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.07/2013.
2. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 5.1. Kertas Cadangan Keahlian Dalam Jawatankuasa Kecil Majlis Untuk Tuan Chua Yew Choong, Ahli Majlis Bagi Sesi 2013.
3. Lampiran-lampiran :-
 61. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.08/2013 .
 - 6.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.08/2013.
 - 6.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.08/2013.
 - 6.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.08/2013.
 - 6.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.08/2013.
 - 6.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.15/2013.
 - 6.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.16/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 7/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 31 JULAI 2013

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob
Yang DiPertua Majlis | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 8. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 9. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 10. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 11. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 12. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 13. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |
| 15. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah | - | " |
| 16. | Tn. Hj. A. Yazid bin Alias | - | " |

- | | | | |
|-----|------------------------------|---|-------------|
| 17. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Supiraman a/l Sinnapayal | - | " |
| 19. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 20. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 21. | Tn. Abd Hamid bin Hussain | - | Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Tn. Razali bin Ramly
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
6. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
7. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam

8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
9. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
10. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
11. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
12. Pn. Rohana binti Md Nor
Bahagian OSC
13. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
14. Pn. Fauziah binti Jaafar
Bahagian Ukur Bahan
15. Pn. Norlela binti Kamsi - Urusetia
Bahagian Urusetia
16. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, Yang DiPertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013.

Y. Bhg. Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1.1. Sempena dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang akan menjelang, Dato' Pengerusi mengingatkan kepada semua yang akan pulang ke kampung halaman masing-masing supaya merancang perjalanan dan berhati-hati di jalanraya. Beliau juga menasihati semua pemilik kediaman supaya memastikan tiada air bertakung untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes. Daripada pengalaman, peningkatan demam denggi berlaku semasa cuti panjang.

2.1.2. Dato' Pengerusi memetik daripada Riwayat Ahmad dan Imam Nasa'i bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Telah datang kepadamu Ramadhan, bulan keberkatan, ALLAH mewajibkan kamu berpuasa. Pada bulan ini pintu-pintu Syurga dibuka dan pintu-pintu Neraka ditutup, syaitan diikat dan di dalamnya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan.."

- 2.1.3. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menganjurkan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada 29 Ogos 2013 di Dataran MPAJ bermula pada jam 12.00 tengahari hingga 2.30 petang sejeurus selepas Mesyuarat Penuh Majlis. Beliau menjemput semua yang hadir untuk memeriahkan sambutan Hari Raya Aidil Fitri.
- 2.1.4. Dato' Pengerusi turut memaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 7 akan menganjurkan Program Balik Kampung. PROGRAM "JOM BALIK KAMPUNG 2013" akan dijalankan di persimpangan TESCO pada 4 Ogos 2013 jam 5.30 petang. Pihak MPAJ dan JKP Zon 7 akan menyerahkan/ memberi sumbangan cenderahati sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang kepada pengguna jalan tersebut.
- 2.1.5. Sempena dengan cuti Hari Raya Aidil Fitri, kaunter Bayaran Cukai Pintu akan ditutup pada 8 - 9 Ogos 2013. Bagaimanapun, kaunter akan dibuka pada hari Sabtu 10 Ogos 2013 jam 9.00 pagi - 2.00 petang dan beroperasi semula seperti biasa pada 12 Ogos 2013.
- 2.1.6. Akhir kata, Dato' Pengerusi mengambil kesempatan bagi pihak seluruh warga kerja MPAJ ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri 1434H yang insyaAllah akan jatuh pada 8 Ogos 2013. Maaf Zahir dan Batin daripada beliau dan seluruh warga kerja MPAJ.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2013

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad dan disokong oleh Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK AGENDA 21(LA 21) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2013

Mesyuarat Penuh Majlis menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Agenda 21 (LA 21) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 1/2013 bertarikh 26 Jun 2013.

Makluman

6. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 2/2013

Mesyuarat Penuh Majlis menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 2/2013 bertarikh 27 Jun 2013.

Makluman

7. KERTAS MAKLUMAN RUMUSAN MESYUARAT KHAS KEWANGAN BAJET 2014/2015 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Mesyuarat Penuh Majlis menerima rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah bersidang pada 30 Julai 2013. Deraf bajet 2014 diluluskan dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan pindaan seperti berikut :

- 7.1. Peruntukan Pembangunan akan dipinda dari RM 1 juta kepada RM 2.7 juta.
- 7.2. Peruntukan Pembangunan sebanyak RM 1.7 juta, pindaan diselaraskan dari Pembelian kenderaan sebanyak RM 0.30 juta, Penyelenggaraan Jalan sebanyak RM 0.50 juta, Penyelenggaraan Lampu Jalan sebanyak RM 0.10 Juta, penyelenggaraan pokok RM 0.10 juta dan pinjaman RM 1 juta.

MAKLUMAN

8. PERTIMBANGAN LAPORAN

8.1. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 7/2013 yang telah diadakan pada 11 Julai 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Jafrien bin Muhammad.

8.1.1. Perkara 3.5.5. di muka surat 72 – Tugas-Tugas Ahli Majlis Di Zon 20

Mesyuarat Penuh Majlis bersetuju Tuan Wong Khai Pun menjalankan tugas sementara di JKP Zon 20 mulai 1 Julai 2013. Mulai 18 Julai 2013, beliau akan mengambil alih tugas sebagai Pengerusi JKP Zon 20. Mulai 18 Julai 2013 juga beliau akan menjalankan tugas di Zon 18 sehingga Ahli Majli baru dilantik.

MAKLUMAN**8.2. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 7/2013 yang telah diadakan pada 17 Julai 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Haji Ali bin Ismail.

8.2.1. Perkara 2.6. di muka surat 77 – Bancian Aktiviti Perniagaan Di Kg Pandan Dalam

Majlis diminta memantau pertumbuhan premis-premis kereta terpakai yang banyak terdapat di kawasan Kg Pandan.

MAKLUMAN

8.3. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 7/2013 yang telah diadakan pada 16 Julai 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan Tuan Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said.

8.3.1. Perkara 4.58 di muka surat 143 – Status Tanah UKRC

Pihak UKRC boleh memohon untuk mendapatkan **permit** bangunan dipinda kepada **pembermilikan** dengan membayar Premium.

MAKLUMAN

8.4. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 7/2013 yang telah diadakan pada 24 Julai 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samad dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

8.4.1. Perkara 2.4.4. di muka surat 153

Tuan Wong Khai Pun sebagai Ahli Majlis yang menanggung kerja di JKP Zon 20 dipinda kepada **Tuan Wong Khai Pun mengambil alih JKP Zon 20 dan menanggung kerja di JKP Zon 18.**

MAKLUMAN**8.5. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 7/2013 yang telah diadakan pada 25 Julai 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramanya a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Wong Khai Pun dan Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar.

MAKLUMAN**8.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2013 dan bil. 14/2013 bertarikh 10 Julai 2013 dan 19 Julai 2013.

MAKLUMAN

9. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD

Tuan Jafrien bin Muhammad mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2013.

Dalam ucapan penangguhan beliau menyampaikan perkara berikut:

- 9.1. Pada 4 Julai 2013, satu seminar tentang integriti telah diadakan di Auditorium MPAJ yang dihadiri oleh beberapa pegawai, penguatkuasa, ketua jabatan dan beberapa wakil Majlis Daerah dan Ahli Majlis. Seminar seumpama ini patut disokong oleh semua pihak yang mana integriti bermaksud kejujuran dan ketelusan bagi mempertahankan nama baik.
- 9.2. Beliau menyatakan sebagai pemimpin seperti Ahli Majlis perlu mempunyai kualiti yang tersendiri. Beliau mengkategorikan pemimpin yang ada pandai bercakap dan pandai bertindak bagi menarik ramai pengikut. Ada pemimpin yang tidak perlu banyak bercakap dan tidak perlu bertindak tetapi ramai pengikut juga. Pemimpin yang berkarismatik mempunyai tarikan yang tersendiri dari segi fizikal seperti badan yang tegap yang menyebabkan orang percaya kepada kemampuannya atau suara yang lantang yang menjadikan lunak didengar. Ada juga Ahli Majlis yang berkonsepsionis dan berpengetahuan dan dapat mengeluarkan pandangan tersendiri hingga orang lain menerima serta akur dengannya. Pemimpin seperti ini belum tentu dapat melaksanakan sesuatu program dengan jayanya kerana ia adalah pemimpin yang penuh dengan

teori sahaja. Pemimpin yang baik dalam melaksanakan tugas ialah pemimpin yang banyak berbuat sesuatu daripada mengemukakan teori yang selalunya berada di tengah gelanggang.

- 9.3. Beliau menyatakan di bulan Ramadhan ini dapat memperlihatkan graf ibadah, graf komitmen, graf pengorbanan kita kepada Allah swt. Mengikut logik akal dalam bulan Ramadhan umat Islam kelihatan lemah kerana tidak makan dan minum, tetapi sejarah mengajar sebaliknya. Banyak sejarah besar terutama kejayaan umat Islam berlaku semasa umat Islam berpuasa seperti Perang Badar, Perang Khandak dan pembukaan kota Mekah di mana semuanya berlaku dalam bulan Ramadhan. Dari peristiwa ini, beliau mengharapkan graf-graf di setiap jabatan yang terlibat dalam tindakan perobohan, pemberian notis, sita akan menurun dengan alasan berpuasa adalah tidak tepat. Insya allah dengan roh ramadhan yang menyerap dalam diri kita segala yang dilaksanakan dapat dibuat dengan baik.
- 9.4. Beliau seterusnya mengingatkan untuk membentuk satu kesepakatan dalam integriti tadbir urus bukan suatu yang mudah. Semangat bekerjasama dalam satu pasukan adalah sumber kekuatan yang mampu menyatukan sesuatu integriti itu kukuh dan berjaya.
- 9.5. Beliau menyatakan dalam menerajui sebuah organisasi seperti MPAJ yang serba kompleks, seorang pemimpin yang berkualiti dan serba boleh diperlukan. Pemimpin berkualiti menyeluruh adalah bercirikan seorang yang sihat, cerdas, bijaksana dan bermoral.

- 9.6. Akhir sekali, beliau menutup ucapan penangguhan beliau dengan serangkap pantun :-

Mati semut kerana gula

Mati katak kerana paya

Marah rakyat bagaikan gila

BN ditolak dalam pilihanraya

10. PENUTUP

Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Disediakan oleh:-

(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Setiausaha Merangkap Timbalan Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(DATO' MOHAMMAD BIN YACOB, DSIS,SIS,KMN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 7 2013 – 31.7.2013.*

**5.1.
KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM
JAWATANKUASA KECIL MAJLIS
UNTUK TUAN CHUA YEW CHOONG
AHLI MAJLIS BAGI SESI 2013**

**KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA KECIL MAJLIS
UNTUK TUAN CHUA YEW CHOONG, AHLI MAJLIS
BAGI SESI 2013**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk membentangkan dan mendapat persetujuan Majlis berhubung keahlian dalam Jawatankuasa Kecil Majlis untuk Tuan Chua Yew Choong.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Tuan Chua Yew Choong telah dilantik sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tempoh 1 Ogos 2013 sehingga 31 Disember 2013 dan membuat pengakuan jawatan (angkat sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi sesi 2013 selaras dengan peruntukan Seksyen 11, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 29 Ogos 2013.

3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1. Mengikut Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa melantik jawatankuasa-jawatankuasa, sama ada dari jenis am atau khas, terdiri daripada seorang pengerusi dan sesuatu bilangan Ahli Majlis dan beberapa orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu akan lebih sesuai dijalankan dengan cara suatu jawatankuasa apa-apa kuasa yang difikirkannya patut melainkan kuasa untuk mendapatkan Wang melalui kadar

pinjaman, dan boleh menetapkan kuoram bagi mana-mana jawatankuasa itu.

3.2. Mesyuarat Jawatankuasa Majlis pada masa ini adalah seperti berikut :

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.
- d) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.
- e) Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.
- f) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- g) Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga dan Tender.
- h) Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan.
- i) Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tatatertib.

4. SYOR

Disyorkan Tuan Chua Yew Choong menganggotai Jawatankuasa Kecil Majlis seperti berikut selaras dengan kehendak Akta Kerajaan Tempatan iaitu:-

- 4.1. Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan
- 4.2. Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin
- 4.3. Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran

5. PENUTUP

Mesyuarat Majlis adalah dipohon untuk menimbang dan meluluskan keahlian Tuan Chua Yew Choong, Ahli Majlis dalam Jawatankuasa Kecil Majlis seperti di para 4 di atas.

Disediakan oleh:-

(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Keahlian Jwtkuasa Kecil Majlis – 29 Ogos 2013*

**6.1.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.8/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 15 OGOS 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.20 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 6. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 7. | Tn. Hj Ali Bin Ismail | - | " |
| 8. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob DSIS, SIS | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 4. | Tn. Haji A Yazid Bin Dollah | - | " |
| 5. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.08/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.08/2013 telah diadakan pada 15 Ogos 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH
REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM
HULU KELANG**

Tuan Pengerusi memohon Jabatan Bangunan dan Senibina membuat semakan ke atas isu berkaitan perobohan tersebut dengan pihak PTD Gombak.

Tindakan:

PTD Gombak / Jabatan Bangunan & Senibina

2.2 ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH REZAB TNB

Mesyuarat dimaklumkan, bancian masih sama di tapak tanpa ada pertambahan penduduk. Pihak Majlis masih menunggu Program Pinjaman Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini. Sehingga kini masih tiada apa-apa maklum balas. Pihak jabatan akan membuat pemantauan ke atas penempatan setingan ini dari masa ke semasa.

Makluman

2.3 BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA

Jabatan Bangunan dan Senibina diminta menyemak status tindakan perobohan dengan pihak PTD Gombak dan maklumat daripada Ahli Majlis kawasan menyatakan terdapat gerai makan di kawasan tersebut.

Tindakan:

PTD Gombak / Jabatan Bangunan & Senibina

2.4 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, pemilik rumah telah dimaklumkan isu ini akan dibawa ke Mahkamah sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan Majlis. Pemilik rumah tersebut memohon tempoh untuk mengemukakan pelan dan pemilik diberi tempoh sehingga 9 September 2013.

Tindakan:

Jabatan Bangunan & Senibina

2.5 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan adalah di bawah tanggungjawab TNB. Pihak jabatan akan membantu pihak TNB menyelaraskan tindakan perobohan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

2.6 BANCIAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM

Ahli Majlis Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis memaklumkan bahawa YB Tn. Iskandar bin Abdul Samad (ADUN) akan mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan isu-isu gerai-gerai hararm di Kg Pandan. Pihak jabatan akan membuat banciaan ke atas gerai-gerai di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.7 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan memohon kerjasama dengan Jabatan Penguatkuasa untuk membuat pemantauan di tapak sebelum tindakan yang lebih serius diambil dibawah Seksyen 70(12) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Pemilik terdahulu telah diberi tempoh sebulan untuk mengalihkan kenderaan di tapak.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.8 GERAJ HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan masih menunggu maklumbalas dari Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat mengenai status cadangan Lebuhraya SUKE.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa/Jabatan Perancang Bandar

2.9 PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan notis kepada pemilik garaj di kawasan Tasik Permai dan Tasik Tambahan. Tindakan akan dilaksanakan dari masa ke semasa bersama Jabatan Bangunan dan Senibina.

Makluman

2.10 STATUS GERAJ UPEN DITUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembaikan gerai tersebut telah dilaksanakan dan temuduga untuk kemasukan gerai No. 5 dan No. 7 telah diadakan pada 1 Ogos 2013.

Makluman

2.11 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam tindakan mendapatkan izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya dan tarikh sebutan Mahkamah.

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

2.12 KHEMAH DI HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada 14 Ogos 2013. Pemilik dikehendaki mengalihkan khemah dan kereta supaya tidak menghalang lalulintas.

Makluman

2.13 STATUS GERAJ STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA

Mesyuarat dimaklumkan, permit penjaja akan ditamatkan selepas tamat tempoh iaitu Disember 2013. Notis akan dikeluarkan pada penjaja untuk berpindah.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.14 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, Majlis telah meminta kepada pemilik rumah untuk mengemukakan pengesahan jurutera bertauliah berkenaan struktur rumah bagi aspek keselamatan. Pemohon juga ada mengemukakan surat bertanggungjawab ke atas bangunan tambahan tersebut.

Ahli mesyuarat mencadangkan supaya Majlis mengambil tindakan pencegahan dengan mempamerkan notis peringatan kepada penduduk supaya tidak dibenarkan membina atau menambah struktur tanpa kebenaran dan kelulusan Majlis.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

**2.15 MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M 14 DAN M 15
PANDAN JAYA**

Mesyuarat memutuskan notis dikeluarkan kepada 2 peniaga gerai buah-buahan yang menggunakan tempat letak kereta untuk dipindahkan ke lokasi yang bersesuaian di Taman Cempaka berhampiran Axis Pandan dan memastikan struktur gerai bukan berbentuk struktur kekal.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**2.16 PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN
DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2, JALAN PERDANA
6/9, PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan, perbicaraan kes antara En. Lim Koo vs. En Soo akan berlangsung pada bulan September 2013 di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Pelan akan dikemukakan selepas kes Mahkamah selesai.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

2.17 GERAJ TERBIAR DI TAMAN SAGA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menerima rayuan dari penaja melalui Ahli Majlis kawasan pada 19 Julai 2013 menyatakan beliau akan mengaktifkan semula perniagaannya untuk menyara keluarga disebabkan beliau tiada pendapatan lain. Pemantauan dari masa ke semasa akan dibuat bagi memastikan peniaga tersebut tidak menyewakan gerai kepada orang lain.

Makluman

2.18 STATUS STOR DI TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Tuan Pengerusi mohon Jabatan Bangunan dan Senibina membuat susulan dengan PTD Hulu Langat berhubung notis kepada pemilik stor untuk mengosongkan tapak tersebut. Majlis diminta mengambil tindakan bagi aktiviti salah guna bangunan.

Tindakan :
PTD Hulu Langat /
Jabatan Bangunan & Senibina /
Jabatan Penguatkuasa

2.19 KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI/TAPAK GERAI PLB DI TASEK TAMBAHAN 1

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan membuat satu mesyuarat bersama dengan Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Bangunan dan Senibina untuk membincangkannya cadangan pemuliharaan gerai/tapak gerai PLB di Tasek Tambahan 1.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.20 BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan ke atas 2 buah bangunan yang baru dibina akan terus dibuat setelah tempoh notis tamat. Tindakan akan dilaksanakan bersama-sama Jabatan Penguatkuasa pada 19 Ogos 2013.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa /

Jabatan Bangunan & Senibina

**2.21 GERAJ TOMYAM DAN GERAJ BURGER DI BAHU JALAN F KG
PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan susulan akan diambil selepas tempoh notis tamat.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**2.22 SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECAJ SEMULA
BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK**

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan tersebut masih di bawah tindakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Tindakan :

Bahagian COB

**2.23 PROJEK PEMBANGUNAN SKIM 'GATED COMMUNITY' DI
KEMENSAH HEIGHT**

Mesyuarat dimaklumkan, sesi taklimat kepada penduduk, pemaaju, wakil-wakil pemaaju dan agensi teknikal luar telah diadakan pada 24 Julai 2013 bagi menjelaskan berkenaan kestabilan tembok penahan jenis 'mecafarry wall' untuk menyelesaikan isu ini.

Makluman

2.24 KEDAI SAP SAM YEW DI Hujung JALAN BUNGAN TANJUNG 8 (PASAR PAGI) MELETAK KERUSI DAN MEJA DI TEMPAT LETAK KERETA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan telah dilaksanakan pada 27 Julai 2013 dan 3 Ogos 2013. Tindakan akan dilaksanakan secara berterusan.

Tindakan :

Jabatan Penguat kuasa

2.25 GERAJ DURIAN DI JALAN MAWAR

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan membuat semakan bersama Jabatan Perancang Bandar bagi mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk jualan buah-buahan bermusim.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.26 GERAJ HARAM DI JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan memohon penangguhan kerana banciaan akan dibuat bagi mengenalpasti punca elektrik dan air yang digunakan oleh peniaga.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.27 SEMAKAN KE ATAS 'SHOWROOM' PROTON DI GIANT TAMAN PERMATA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan jabatan mendapati 'showroom' tersebut telah mendapat permit dan kelulusan dari Majlis untuk menggunakan 3 petak parking. Tindakan penguatkuasaan akan diambil dari masa ke semasa jika terdapat aduan.

Makluman

2.28 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, semakan mendapati status tapak adalah rezab kawasan lapang yang masih dalam proses pewartaan seluas 3.7 ekar.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.29 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan susulan akan diambil oleh Jabatan Bangunan dan Senibina ke atas binaan tanpa kebenaran di atas lot-lot persendirian di Jalan Merdeka.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.30 KERJA-KERJA DI TAPAK PEMBINAAN (PEMAJU EXTENSIVE GAIN SDN. BHD.) MELEBIHI WAKTU KERJA YANG TELAH DITETAPKAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah memaklumkan kepada pihak pemaaju berkaitan kontraktor pembinaan telah membuat kerja-kerja di tapak pembinaan melebihi waktu kerja yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

Sehubungan dengan itu jika masih lagi berlaku, penduduk boleh terus berhubung di Hotline MPAJ untuk tindakan kompaun.

Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN

TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS

3.1 LONGKANG TERSUMBAT DAN SEMAK SAMUN DI TAMAN DAGANG FASA 1

Beliau telah menerima banyak aduan daripada penduduk berkaitan keadaan di Taman Dagang Fasa 1 yang penuh dengan semak samun pokok-pokok liar dan keadaan longkang yang tersumbat. Mohon tindakan pembersihan dengan segera.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2 GERAJ MAKAN DI TEMPAT LETAK KERETA RUMAH PANGSA TAMAN NIRWANA

Beliau menerima aduan daripada penduduk rumah pangsa tersebut berkaitan dengan peniaga yang menggunakan tempat letak kereta untuk dijadikan gerai makan. Mohon tindakan diambil kerana keadaan tersebut menyebabkan penggunaan tempat letak kereta tidak mencukupi.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

3.3 SEMAKAN UBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN DI TAMAN KELAB UKAY, TAMAN BUKIT UTAMA DAN TAMAN PUNCAK UTAMA

Beliau mohon Majlis menjalankan pemantauan dan semakan di kawasan Taman Kelab Ukay, Taman Bukit Utama dan Taman Puncak Utama kerana terdapat aduan pengubahsuaian rumah tanpa kebenaran dan tidak mempamirkan surat kelulusan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina/

Jabatan Penguatkuasa

3.4 RUMAH KOSONG TERBIAR DAN DIPENUHI SEMAK SAMUN

Beliau mohon pihak Majlis membuat pemantuan ke atas rumah-rumah kosong yang dipenuhi semak samun di Taman Kelab Ukay, Taman Bukit Utama, Taman Puncak Utama, Taman Bukit Jaya dan Taman Bukit Antarabangsa. Mohon dikeluarkan notis kepada pemilik rumah untuk membersihkan semak samun tersebut.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.5 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BANGUNAN MPAJ

Beliau mencadangkan Majlis membuat penambahbaikan ke atas bangunan MPAJ agar lebih cantik dan menarik dengan mengecat semula bangunan dan laluan keluar masuk ke MPAJ. Ini juga dapat menaikkan lagi imej MPAJ di mata seluruh penduduk kawasan Ampang Jaya.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

TN. FONG TECK KEONG

3.6 LAMPU JALAN DI JALAN MEWAH 8, TAMAN PANDAN MEWAH

Lampu jalan di Jalan Mewah 8, Taman Pandan Mewah sudah sebulan tidak berfungsi. Beliau mohon tindakan segera.

(Minit mesyuarat dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

TN. LIM FONG LEN**3.7 VAN BURUK DI PASAR PAGI, TAMAN MUDA**

Beliau memaklumkan terdapat van buruk yang telah lama berada di pasar pagi, Taman Muda. No. Pendaftaran adalah BBY 3413 dan mohon tindakan segera.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.8 PEMBERSIHAN LORONG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8,9 DAN 10, TAMAN MUDA

Beliau mohon lorong di Jalan Bunga Tanjung 8, 9 dan 10, Taman Muda dibersihkan dan 'awning extension' diturunkan.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina /

Jabatan Penguatkuasa/

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.9 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Beliau memaklumkan aduan lama daripada penduduk berkaitan rumah No. 2, Jalan 9, Taman Putra yang telah dijadikan stor dan memohon tindakan segera diambil.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa / Jabatan Bangunan & Senibina

3.10 BILLBOARD TELAH DIROBOHKAN DI KG CHERAS BARU

Beliau mohon semakan daripada jabatan terlibat berkaitan billboard di Kg Cheras Baru yang telah dirobohkan atau kecurian.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
19OGOS2013*

6.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.8/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 19 OGOS 2013

MASA : 9.30 PAGI – 1.30 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 9. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 10. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 11. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 12. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 13. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 14. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | Ahli Majlis |
| 15. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob DSIS, SIS | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | Ahli Majlis |

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 08/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 08/2013 telah diadakan pada 19 Ogos 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS MAKLUMAN PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL DI
PERSIARAN SERING UKAY, TAMAN SERING UKAY**

2.1.1 Pihak jabatan telah menerima permohonan dari Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay berhubung dengan permohonan pembinaan bonggol di Persiaran Sering Ukay.

2.1.2 Permohonan tersebut dibuat berdasarkan alasan terdapat kemalangan yang kerap berlaku di lokasi berkaitan yang mana ianya berpunca dari kenderaan yang dipandu laju.

- 2.1.3 Persiaran Sering Ukay merupakan jalan masuk utama ke Taman Sering Ukay. Tiada sebarang unit rumah di lokasi berkaitan. Terdapat pondok pengawal yang didirikan di jalan tersebut.
- 2.1.4 Jalan tersebut mempunyai kecerunan melebihi 8 %, rizab jalan adalah 20.1 m (66 Kaki) serta berkelebaran melebihi 6.1 m. Jalan tersebut mempunyai 2 lorong.
- 2.1.5 Berdasarkan semakan dan penemuan di tapak, permohonan penduduk tidak dapat dipertimbangkan atas beberapa faktor:
- a) Merujuk kepada Garispanduan Pembinaan Bonggol Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, bagi jalan yang mempunyai rizab 20.1m, berkelebaran 6.1m serta mempunyai kecerunan lebih 8% , pembinaan bonggol tidak boleh dilaksanakan.
 - b) Lokasi tersebut merupakan laluan utama dan tidak melibatkan laluan masuk ke rumah-rumah penduduk yang boleh membahayakan keselamatan penduduk.
 - c) Di lokasi tidak terdapat tadika, sekolah, rumah ibadat dan pusat komuniti.
- 2.1.6 Susulan dari penolakan permohonan tersebut, pihak persatuan penduduk telah mengemukakan rayuan. Pihak jabatan telah mengeluarkan surat kepada 371 pemilik rumah Taman Sering Ukay untuk mendapatkan

maklumbalas dari penduduk berhubung permohonan berkaitan pada 11 Julai 2013.

2.1.7 Berdasarkan maklumbalas yang diterima, 282 penduduk tiada halangan, 3 penduduk menolak dan baki 27 penduduk tidak memberi maklumbalas kerana rumah tiada penghuni.

2.1.8 Merujuk kepada Garispanduan Pembinaan Bonggol Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, prosedur pembinaan bonggol adalah:

a) Permohonan bonggol adalah diluluskan atas kuasa Tuan Yang DiPertua MPAJ di atas pengesyoran jabatan.

b) Permohonan bonggol perlu mendapat persetujuan keseluruhan penduduk di sepanjang lorong/jalan yang dipohon.

2.1.9 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembinaan bonggol di Persiaran Sering Ukay, Taman Sering Ukay.

2.2 KERTAS KERJA LANJUTAN TEMPOH PERMIT KOREKAN JALAN BAGI PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA DI TAMAN KERAMAT AU1, MUKIM HULU KELANG DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.

2.2.1 Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) telah mengemukakan permohonan bagi lanjutan tempoh permit korekan jalan meliputi kerja

pengorekan jalan sepanjang 7651.13 meter di sekitar Taman Keramat AU 1 bagi program penggantian paip lama melalui surat no ruj. SYA/PJN/PMD/GOP/MPAJ/13/133 bertarikh 24hb. Julai 2013.

2.2.2 Untuk makluman, permohonan ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 4/2013 bertarikh 23hb. April 2013 dan Mesyuarat Penuh Bil. 4/2013 bertarikh 26hb. April 2013.

2.2.3 Berdasarkan kepada semakan di tapak, didapati kerja-kerja penggantian paip lama telah siap sebanyak 32.67% sehingga tarikh 31hb. Julai 2013 dan selebihnya masih belum dilaksanakan kerja-kerja korekan di sekitar Taman Keramat AU 1.

2.2.4 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan bayaran yuran proses sebanyak RM 3,826.00 sebelum sebarang kelulusan lanjutan tempoh permit korekan boleh dikeluarkan. Manakala Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan Negeri Selangor juga masih dalam tempoh sah laku iaitu berkuatkuasa dari 1hb. Januari 2013 sehingga 31hb. Disember 2013 dengan nilai cagaran berjumlah RM 2.0 juta.

2.2.5 Pihak pemohon juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan terdahulu yang telah dikenakan oleh pihak jabatan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 4/2013

bertarikh 23hb. April 2013 dan surat kelulusan permit korekan no ruj. MPAJ.KEJ.KB.720-3/05C/13(5) bertarikh 10hb. Mei 2013.

2.2.6 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan lanjutan tempoh permit korekan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti kelulusan terdahulu.

2.2.7 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan bagi lanjutan tempoh permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 7651.13 meter di sekitar Taman Keramat AU 1, Mukim Hulu Klang Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

**3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR
MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Pihak JKR memaklumkan peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dijangka diperolehi pada bulan November 2013.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2. KAJIAN ALIRAN TRAFIK

Jabatan dalam proses penilaian sebutharga bagi kerja-kerja projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)

Pihak JKR masih menunggu peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya bagi kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan). Jabatan diminta menyemak semula di lokasi kerana terdapat bekas jalan dipotong yang menyebabkan risiko keselamatan terutama kepada penunggang motosikal. Kawasan tersebut juga sering berlaku kemalangan dan mesyuarat meminta pihak JKR untuk mengkaji masalah ini dan penyelesaian.

**Tindakan :
JKR Ibu Pejabat/
Jabatan Kejuruteraan**

3.4. TURAP JALAN

Kerja-kerja penurapan jalan di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Anggerik Bukit Permai 2 akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik melalui peruntukkan MARRIS dan dijangka siap pada 29 Ogos 2013.

Makluman

3.5. PEMBUKAAN JALAN

Pihak jabatan telah menerima maklumbalas dari Jabatan Perhutanan Selangor bahawa pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan pangsapuri

Kempas) adalah bersifat sementara dan jalan tersebut akan ditutup selepas kerja-kerja siap sepenuhnya. Pihak jabatan juga telah mengemukakan semula maklumbalas kepada Jabatan Perhutanan bahawa pihak majlis tidak membenarkan laluan keluar masuk sehingga mendapat kelulusan Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.6. PELEBARAN JALAN

Jabatan telah mengeluarkan surat peringatan kepada pihak pemaju agar kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL dilaksanakan seiring dengan kerja-kerja bangunan oleh pihak pemaju BHL Enterprise.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.7. TURAPAN JALAN DI KAWASAN BERSTRATA

Jabatan memaklumkan merujuk kepada prosedur MARRIS penurapan jalan tidak boleh dilaksanakan di kawasan berstrata. Pihak Jabatan akan membantu YB ADUN menyediakan kertas kerja berkaitan bagi dikemukakan kepada MBI untuk memohon peruntukkan Geran Selangorku.

Makluman

3.8. MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA

Semakan semula jabatan mendapati tiada lagi isu banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A. Walau bagaimanapun pihak jabatan akan memantau kawasan ini sekiranya berlaku kemungkinan banjir di kawasan ini.

Maklumam

3.9. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Berkenaan isu pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati sehingga menyebabkan banjir kilat, pihak jabatan telah mengeluarkan notis berhenti kerja kepada pihak kontraktor JPS pada 18 Julai 2013. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan kelulusan bagi pembinaan 119 GPT pada 29 Julai 2013. Pihak jabatan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan dan seterusnya membentangkan permohonan berkenaan dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan:
**Jabatan Kejuruteraan/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.10. KEJADIAN BANJIR KILAT

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja bagi menaiktaraf 'culvert' untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan. Sebutharga akan dilaksanakan pada September 2013.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.11. PERMOHONAN BONGGOL

Pihak jabatan akan melaksanakan kerja-kerja pembinaan satu bonggol di Jalan 49 (berhampiran Apartment Glenview Villa) menuju ke pejabat JKP dan dijangka siap pada bulan September 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.12. KEPERLUAN `RAILING`

Kerja-kerja meletakkan `railing` di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti) telah siap dilaksanakan pada bulan Jun 2013. Mesyuarat juga memaklumkan terdapat railing di Jalan A telah rosak akibat dilanggar oleh kenderaan. Mohon kerja-kerja pembaikan.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.13. MOHON PEMBINAAN `RAILING`

Semakan jabatan mendapati tiada ruang yang sesuai untuk menanam pokok di sepanjang kiri dan kanan Jalan Pandan Ilmu. Jabatan Kejuruteraan memaklumkan akan membuat semakan semula di lokasi dan melaksanakan kerja-kerja pemasangan railing atau sebagainya mengikut kesesuaian bagi tujuan pengasingan pejalan kaki.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.14. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan jabatan dalam proses penyediaan tender bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR. Tender bagi kerja-kerja tersebut telah ditutup pada 25 Julai 2013. Anggaran kos bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM 4 juta. Lantikan kontraktor dijangka pada bulan September 2013. Jabatan Kejuruteraan diminta menyemak semula keadaan semasa ditapak memandangkan kos penyelenggaraan yang agak tinggi.

Tindakan:
JPS Gombak/
Jabatan Kejuruteraan

3.15. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan telah mengeluarkan notis kepada premis dan rumah yang menutup longkang dan tindakan penguatkuasaan bersama Jabatan Bangunan dan Senibina akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.16. PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan bahu jalan di tepi Pangsapuri Cengal yang terhakis adalah akibat aliran 'run off' yang tinggi dijangka siap pada hujung bulan Ogos 2013.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.17. HAKISAN TANAH

Pihak JPS memaklumkan sebutharga bagi kerja-kerja pembaikan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay telah dikeluarkan. Kerja-kerja pembaikan telah bermula pada 5 Ogos 2013 dan dijangka selesai pada 28 Oktober 2013. Pihak JPS juga memaklumkan anggaran kos terlibat untuk pembaikan ini adalah sebanyak RM 150 ribu.

Masalah hakisan berpunca dari mendapan akibat pergerakan dari tebing Sungai Sering.

**Tindakan:
JPS Gombak**

3.18. TEBING RUNTUH

Jabatan sedang membuat permohonan untuk melaksanakan kerja kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 melalui peruntukan Geran Selangorku.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.19. LAMPU JALAN

Cadangan membaiki sebahagian kerosakan lampu jalan di Jalan Ampang akan dilaksanakan dalam kerja segera. Pihak jabatan dalam proses perlantikan kontraktor.

Jabatan diminta untuk menyemak semula dengan pihak JKR berhubung kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap.

Dalam mesyuarat yang lepas, pihak JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat/
Jabatan Kejuruteraan**

3.20. MOHON TUKAR TIANG LAMPU

Jabatan Kejuruteraan diminta menyemak semula isu dengan pihak TNB berhubung kerja-kerja menukar tiang lampu lama (tiang kayu) di Kg. Cheras Baru ditukar ke tiang lampu baru jenis bergarbonise yang berlelengan.

**Tindakan :
TNB/Jabatan Kejuruteraan**

3.21. CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Cempaka 6A dan Jalan Bunga Mawar 5A telah dilaksanakan.

Makluman

3.22. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Berhubung isu lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur yang telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah, pihak Jabatan Undang-Undang memaklumkan maklumat-maklumat lanjut bagi melengkapkan kertas siasatan sedang diperolehi sebelum tindakan pendakwaan dilaksanakan.

Mesyuarat juga berpendapat agar tindakan penguatkuasaan meruntuhkan struktur tersebut dilaksanakan dengan segera di bawah kendalian Jabatan Bangunan dan

Senibina, Jabatan Undang-undang, Jabatan Penguatkuasa serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

Tindakan :
**Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Undang-Undang**

3.23. TAMBAKAN PASIR DI PADANG BOLA JALAN H KG. PANDAN

Kerja-kerja menambak pasir di padang bola di Jalan H, Kg. Pandan Dalam telah dilaksanakan.

Makluman

3.24. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta menyemak tindakan pihak TNB berhubung tindakan pembersihan bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar.

Tindakan:
TNB
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.25. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta menyemak tindakan pihak TNB ke atas kerja-kerja penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakan pencawang telah dipenuhi rumput dan memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis.

Tindakan :
TNB/ Jabatan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.26. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah telah dilaksanakan pada 7 Julai 2013 oleh pihak Majlis. Mesyuarat meminta pihak jabatan mengeluarkan surat kepada pemilik tanah berkenaan supaya kerja-kerja pembersihan dilaksanakan secara berkala.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.27. PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO

Sesi lawatan tapak di antara Jabatan Perancang Bandar MPAJ, JKR dan DBKL akan diadakan dalam minggu ini, bagi membincangkan isu bersempadanan kawasan berhadapan Hotel Flamingo yang tidak diselenggara serta rumput panjang dan terdapat sampah sarap.

Mesyuarat dimaklumkan pihak DBKL dan JKR tidak berpuas hati dengan persempadanan tersebut dan meminta lawatan tapak dibuat semula ke lokasi tersebut.

Mesyuarat memutuskan, sementara isu persempadanan ini dapat diselesaikan, pihak jabatan diminta untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di lokasi tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.28. TANAH LAPANG TIDAK DISELENGGARA

Kerja-kerja pembersihan tanah yang bersemak samun serta dijadikan tempat pembuangan sampah haram di sebelah Apartment Glenview Villa telah dilaksanakan oleh pemilik tanah iaitu TTDI Naza Group. Pembersihan dilaksanakan secara berperingkat.

Makluman

3.29. MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Pihak pengurusan LT juga memaklumkan pembinaan 'boomgate' bergantung kepada keadaan kewangan syarikat.

Mesyuarat juga meminta supaya jabatan dapat memastikan kontraktor mengambil sampah setiap hari seperti yang dijadualkan. Pihak Pengurusan LT diminta untuk mengemaskan rumah sampah tersebut.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.30. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA

Pihak jabatan dalam proses pembelian papan tanda 'Dilarang Membuang sampah' untuk diletakkan di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.31. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA

Jabatan diminta untuk menyegerakan tindakan mengenalpasti lokasi yang baru berhubung cadangan mengalihkan rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama kerana keadaan rumah sampah yang telah uzur dan rosak.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.32. ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan Bangunan dan Senibina akan mengeluarkan notis terhadap 12 premis yang mempunyai struktur 'awning' dan struktur yang terletak di rezab parit dan jalan (yang menghalang laluan) pada 21 Ogos 2013 dan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan.

Tindakan :
**Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Penguatkuasa**

3.33. TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN

Pihak operator tong kitar semula telahpun menghantar senarai permohonan baru tong kitar semula di atas rezab jalan untuk kelulusan Majlis. Pihak jabatan sedang memproses permohonan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.34. SAMPAH SARAP DI MEDAN SELERA ANGSANA HILIR KG.PANDAN

Jabatan memaklumkan semakan di lokasi mendapati peniaga-peniaga telah menyediakan tong sampah di premis masing-masing. Sampah sarap yang bertaburan di sekitar medan selera berpunca dari pembuangan oleh penduduk sekitar. Isu pembuangan sampah ini sering berulang. Pemantauan yang dibuat mendapati pembuangan sampah tersebut juga dilakukan oleh peniaga-peniaga di kawasan tersebut.

Makluman

3.35. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.36. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak PTD Hulu Langat akan mengadakan mesyuarat penyelarasan berkaitan perobohan setingan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setingan

yang didiami oleh warga asing (Indonesia) di atas tanah kerajaan.

Tindakan :
PTD Hulu Langat/
Jabatan Perancang Bandar

3.37. PEMBINAAN TANGKI AIR

Pihak Jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pejabat YB Iskandar Abd Samad berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam.

Pihak jabatan diminta mendapatkan penjelasan daripada pihak SYABAS berhubung status deposit/bank guarantee yang telah dikemukakan oleh pemaju kepada SYABAS.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.38. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU

Kerja-kerja membina longkang permukaan masih dibawah tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan yang sedang mengenalpasti kaedah penyelesaian terbaik.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.39. LIMPAHAN AIR KETIKA HUJAN LEBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Ikan Jelawat Ampang Campuran akan dilaksanakan oleh kontraktor kawasan dalam jadual akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.40. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat sedang menunggu maklumbalas dari Jabatan Perhutanan berkenaan isu kawasan lereng jalan di Jalan Hulu Langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya kerana terdapat pertindihan sempadan kawasan.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat**

3.41. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan ulasan tiada halangan terhadap cadangan pelan kebenaran merancang pada 10 Mei 2013 kepada perunding HLA Associates Sdn.Bhd. Mesyuarat penyelarasan teknikal bersama pihak Kementerian Pelajaran Selangor akan diadakan pada 22 Ogos 2013. Tujuan mesyuarat adalah bagi mendapatkan maklumat terkini tentang status cadangan pembinaan sekolah tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

3.42. PEMBAIKAN HOARDING

Pihak pemaju BHL Gemilang telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan 'hoarding' ditapak.

Makluman

3.43. KEROSAKAN TAPAK ZON HIJAU

Pihak kontraktor sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan di tapak zon hijau di Bukit Segar Jaya 2 dan Pangsapuri Cemara yang telah rosak akibat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak Maxis. Kerja-kerja dijangka siap pada awal Bulan September 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.44. ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1

Semakan telah dijalankan pada 18 Jun 2013 semasa kerja-kerja pemantauan berkala (audit). Jabatan telah mengeluarkan arahan untuk mengadakan AGM bagi Pangsapuri Bukit Segar A1 memandangkan tempoh AGM telah melebihi 12 bulan.

**Tindakan :
Bahagian COB**

(Minit mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 9.2013)

3.45. PAIP SYABAS MELINTANGI LONGKANG DI TEPI JALAN BESAR

Pihak Syabas memaklumkan paip yang melintang longkang di tepi jalan hadapan Caltex Jalan Ampang telah dikenalpasti, paip tersebut bersaiz 600mm dari jenis 'mild steel'. Tidak ada sebarang kacauganggu dari segi laluan longkang atau lalulintas. Sekiranya pihak berkenaan berpendapat untuk mengalihkan paip tersebut, pihak berkenaan perlu mengemukakan permohonan cadangan pengalihan beserta pelan kepada pihak Syabas. Pihak Syabas akan memberikan maklumbalas dan sekiranya dipersetujui, kerja-kerja pengalihan perlu dibuat oleh pihak berkenaan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak berkenaan juga.

Makluman**3.46. STATISTIK ADUAN MAJLIS**

Jabatan telah mengadakan taklimat khas kepada ahli majlis berhubung sistem dan statistik aduan Majlis.

Makluman**3.47. PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS (TASK FORCE)**

Lawatan telah dibuat bersama Ahli Majlis di sekitar kawasan Jalan Ikan Jelawat 10, Kg Ampang Campuran yang sering dilanda banjir kilat. Jabatan akan menubuhkan jawatankuasa 'taskforce' banjir bagi membincangkan permasalahan banjir di kawasan majlis.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.48. PENYELENGGARAAN PADANG

Kerja-kerja penyelenggaraan padang di Taman Dagang Fasa 1 sedang dalam tindakan oleh pihak jabatan.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.49 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di Jalan Cempaka 8 (kawasan rumah kedai) telah dilaksanakan.

Makluman

3.50 CULVERT TERSUMBAT'

Semakan pihak jabatan mendapati longkang sering tersumbat diJalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) adalah disebabkan gerai PLB yang telah menutupi longkang. Longkang sering tersumbat akibat kemungkinan dibawah longkang pecah.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.51 PERMOHONAN LAMPU ISYARAT

Pihak jabatan sedang membuat kajian rekabentuk dan kesesuaian berkaitan permohonan dari penduduk Taman TAR supaya disediakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kerja Air Lama dan Jalan 4K Ampang Jaya. Kerja-kerja dijangka selesai pada Ogos 2013 dan akan dibentangkan di mesyuarat.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.52 TURAP JALAN

Jabatan dalam perancangan untuk menaiktaraf jalan menggunakan 'interlocking pavement' dipersimpangan Jalan Pandan Makmur dan Jalan Pandan Ilmu.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.53 CANTAS POKOK

Kerja-kerja mencantas pokok-pokok termasuk pokok-pokok bunga yang terdapat di hadapan rumah penduduk yang telah merimbun hingga ke tengah jalan terutama di Lorong Bunga Matahari 1A Taman Maju Jaya Fasa 3 serta rimbunan pokok-pokok di tepi padang Jalan Bunga Matahari 2, Taman Maju Jaya Fasa 3 telah dilaksanakan.

Makluman

3.54 MOHON PEMBINAAN DEWAN DAN GELANGGANG FUTSAL

Pihak jabatan akan menyemak semula permohonan penduduk supaya dibina sebuah dewan dan gelanggang futsal di tapak tanah kosong di Taman Ampang Saujana. Lokasi tanah yang dicadangkan terletak di hujung bersebelahan kandang kambing. Semakan oleh ahli majlis kawasan ia merupakan rezab dewan dan gelanggang futsal.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.55 MOHON PEMBINAAN LALUAN SIAR KAKI

Berhubung isu pembinaan laluan siar kaki di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Bukit Teratai Ampang, semakan jabatan mendapati ianya adalah rezab JKR. Walau bagaimana pun semakan bersama ahli majlis kawasan akan dilaksanakan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.56 KEMALANGAN DARI JALAN HULU LANGAT KE TASIK TAMBAHAN

Pihak JKR memaklumkan akan menyediakan bonggol atau 'speedbreaker' untuk penyelesaian masalah kemalangan yang sering berlaku di persimpangan Jalan Hulu Langat (menuruni bukit) ke Tasik Tambahan.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.57 KEMUDAHAN PEJABAT POS DI PANDAN PERDANA

Jabatan telah mengeluarkan surat kepada Pejabat Pos Besar pada 22 Julai 2013 berhubung keperluan Pejabat Pos di Pandan Perdana namun tiada sebarang maklumbalas diterima.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

3.58 LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI

Lawatan bersama JKR diadakan pada 8 Julai 2013. Pihak Majlis perlu melaksanakan kerja pembaikan lampu jalan tidak berfungsi di hadapan Flat Dato Ahmad Razali hingga hadapan Dewan Dato Ahmad Razali sebelum diserahkan

kepada pihak JKR. Mesyuarat memohon supaya pihak JKR dapat mengambilalih dengan segera memandangkan kos pembaikan yang tinggi ditanggung oleh Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.59 BESI PENGHADANG

Pemantauan jabatan pada 9 dan 10 Julai 2013 mendapati besi penghadang yang didirikan di Taman Sri Ukay berhampiran Sekolah Agama Islam ADNI tidak ditutup. Terdapat 2 orang pengawal keselamatan ditempatkan di Jalan Utama (Jalan 1). Permohonan besi penghalang telah diluluskan dengan syarat-syarat Majlis.

Makluman

3.60 PENIAGA DI MEDAN SELERA SRI TANJUNG

Jabatan sedang mengadakan penyelarasan berkenaan peniaga-peniaga di medan selera Sri Tanjung yang memohon supaya disediakan tong sampah yang lebih besar memandangkan tong sampah sedia ada tidak mencukupi.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.61 PEMBINAAN CULVERT DI LORONG ENGGANG TIMUR 1

Semakan semula jabatan di Lorong Enggang Timur 1 mendapati kawasan tersebut tidak mengalami banjir lagi. Kejadian banjir yang berlaku sebelum ini adalah disebabkan

oleh pokok tumbang yang menghalangi 'culvert' tersebut. Walau bagaimanapun pokok tersebut telah dialihkan.

Makluman

3.62 PEMBINAAN BUMBUNG DI GELANGGANG BOLA KERANJANG

Jabatan Bangunan dan Senibina telah menghubungi pihak ICU, JPM berkenaan pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Kuala Ampang. Pihak ICU akan menyerahkan struktur bumbung tersebut kepada majlis setelah urusan dengan kontraktor mereka selesai.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.63 BENDERA PARTI

Jabatan telah menurunkan bendera-bendera parti yang tidak diturunkan di sekitar Dun Hulu Kelang iaitu Melawati hingga ke Kuala Ampang pada 5 dan 12 Julai 2013. Sebahagian lagi bendera parti di lokasi-lokasi lain akan diturunkan dalam waktu terdekat.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.64 PEMANTAUAN KONTRAKTOR PEMBERSIHAN

Jabatan telah membuat teguran terhadap kontraktor pembersihan supaya mereka menjalankan kerja-kerja pembersihan mengikut jadual serta pembuktian pemantauan yang dibuat diperingkat jabatan terutamanya berkenaan perkara berikut:

- i. Sapuan jalan di taman perumahan

- ii. Pembersihan longkang
- iii. Pemotongan rumput
- iv. Pembersihan kawasan lorong belakang.

Makluman

3.65 PERMOHONAN BONGGOL

Jabatan akan menyemak semula permohonan untuk mengadakan bonggol di jalan berhadapan Apartment Sri Melor.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.65 PERMOHONAN TOL

Permohonan pembinaan pondok pengawal dan boom gate oleh Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013. Pihak Persatuan Penduduk akan memohon TOL bagi pondok pengawal di Pejabat Tanah Daerah Gombak.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

3.66 SAMPAH HARAM

Kerja-kerja pembersihan sampah haram di hujung Jalan UP 3/1 Ukay Perdana telah dilaksanakan.

Makluman

3.67 PERMOHONAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pemasangan 2 unit lampu jalan pada tiang sediada di no. 2, dan no 21 Jalan 1/ 2 Tasek Tambahan telah dilaksanakan.

Makluman

3.68 MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Jabatan telah menghantar surat kepada pihak JKR Hulu Langat berhubung permohonan untuk menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan untuk keperluan kanak-kanak sekolah melintas jalan.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.69 MENAIKTARAF LONGKANG

Pihak jabatan mendapati ketika ini tiada keperluan bagi menaiktaraf monsun drain di tepi Flat Pandan Mesra dengan kawasan lapang MPAJ dari Taman Fairuza ke Kg. Ampang Campuran. Walau bagaimanapun, pihak jabatan akan mempertimbangkan untuk perancangan kerja-kerja menaiktaraf.

Makluman

3.70 LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di seberang K Club (sebelah taska) dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.71 MOHON PENUNJUK ARAH

Kerja-kerja pemasangan penunjuk arah di Bulatan Hillside Taman Melawati kerana sering berlaku kemalangan akan dilaksanakan pada 22 Ogos 2013.

Makluman

3.72 LAMPU LINTASAN KESELAMATAN

Cadangan pemasangan lampu lintasan keselamatan di hadapan Sekolah Agama Lembah Jaya dalam peringkat kajian jabatan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.73 RUMPUT TIDAK DIPOTONG

Pemantauan berterusan akan dilaksanakan di persekitaran padang futsal Desa Lembah Permai dan Kg. Sg. Seputeh yang didapati rumput tidak dipotong dan diselenggara dengan baik.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.74 LONGKANG ROSAK

Kerja –kerja pembaikan longkang rosak di Kg. Ampang Indah seperti di lokasi berikut dijangka siap pada hujung bulan Ogos 2013.

- i. Hadapan lot 1318 & 1825, Jalan Indah 8/2.
- ii. Hadapan lot 1311A, Jalan Indah 8/3.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.75 PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN JALAN TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN BAIK

Pemantauan berterusan dan berkala akan dilaksanakan terhadap kerja-kerja pemotongan rumput dan sapuan jalan yang tidak dilaksanakan dengan baik di sekitar Flat Ampang Saujana.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.76 KERETA BURUK

Jabatan memakluman notis telah dikeluarkan terhadap kereta buruk di sekitar Blok A2, Flat Ampang Saujana. Sebarang tindakan sitaan selepas tamat tempoh notis perlu dilaporkan kepada pihak polis terlebih dahulu.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.77 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan di di sepanjang Jalan Indah Permai dan Jalan Indah Permai 1, Kg. Ampang Indah Permai adalah di bawah selenggaraan pihak TNB KL Pusat. Aduan telah dipanjangkan ke TNB. No rujukan TNB:W902KX. Jabatan Kejuruteraan diminta membuat susulan dengan pihak TNB.

Tindakan :
TNB / Jabatan Kejuruteraan

3.78 PERMOHONAN CERMIN KESELAMATAN

Kerja-kerja pemasangan cermin keselamatan di selekoh Jalan Indah Permai, Kg. Ampang Indah Permai dijangka siap pada pertengahan bulan Ogos 2013.

Makluman

3.79 KEPERLUAN BONGGOL

Kerja-kerja penyediaan bonggol di hadapan surau Jalan Indah Permai Kg. Ampang Indah Permai dijangka siap pada pertengahan Ogos 2013.

Makluman

3.80 TURAP JALAN

Kerja-kerja penjurapan jalan di Jalan Indah 6 dan Jalan Permai 2, Kg. Ampang Indah dijangka siap pada pertengahan Ogos 2013.

Makluman

3.81 KEPERLUAN LAMPU JALAN

Cadangan pemasangan lampu jalan di hadapan Lot 1401 Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah akan dilaksanakan dalam kerja-kerja segera. Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.82 LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang di hadapan Lot 1502, Jalan Indah 1, Kg Ampang Indah dijangka siap pada pertengahan Ogos 2013.

Makluman

3.83 PAGAR JAMBATAN ROBOH

Kerja-kerja membaiki pagar jambatan yang telah patah dan roboh di Jalan Indah 1, Kg. Ampang Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.84 SEMAK SAMUN

Kerja-kerja pembersihan sebuah rumah tinggal dan bersemak samun di Lot 1485 Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.85 TURAP JALAN

Kerja-kerja penurapan jalan di Kg. Ampang Indah (masyarakat India) akan disenaraikan dalam perancangan kerja jabatan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.86 PAPAN TANDA LARANGAN MEMBUANG SAMPAH

Pemantauan berterusan dijalankan di sekitar Jalan Watan 29 dan Jalan Watan 24, Taman Watan. Pemasangan papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di persimpangan jalan tersebut akan dibuat sekiranya diperlukan.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.87 MOHON TEBANG POKOK

Kerja-kerja penebangan pokok di hadapan Lot 1693, jalan surau Kg. Indah Permai telah dilaksanakan.

Makluman

3.88 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BELUKAR

Pihak jabatan akan menjalankan kerja-kerja cantasan pokok dan pembersihan di Ampang Saujana Elite (sebelah tembok sempadan) setelah mendapat kebenaran dari Jabatan Perhutanan. Kawasan tersebut merupakan rezab hutan dan

sebarang tindakan perlu dirujuk ke Jabatan Perhutanan terlebih dahulu.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.89 MOHON BONGGOL

Kerja-kerja pembinaan bonggol di persimpangan Jalan 4, persimpangan Jalan 3A serta di hadapan pondok pengawal Taman Ampang Saujana Elite dijangka siap pada pertengahan Ogos 2013.

Makluman

3.90 PENGGANTIAN TIANG LAMPU

Cadangan penggantian tiang lampu yang hilang setelah kerja-kerja pelebaran jalan di laksanakan di hadapan zon hijau, Bukit Segar Jaya 2 akan dilaksanakan. Jabatan dalam proses perlantikan kontraktor.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.91 KERJA-KERJA SAPUAN JALAN TIDAK SEMPURNA

Teguran telah dibuat terhadap kontraktor kawasan yang tidak melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan sempurna dan sering menyapu daun dan pasir di atas jalan dan membuangnya ke dalam lubang besar di tepi jalan menyebabkan longkang tersumbat di Jalan Bukit Segar Jaya.

Makluman

3.92 PAPAN TANDA JALAN SEHALA

Jabatan mendapati tiada keperluan pemasangan papan tanda jalan sehalu perlu di hadapan nurseri (menuju Bukit Segar Jaya 2) kerana telah terdapat papan tanda keselamatan di tapak.

Makluman**3.93 PEMBERSIHAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembersihan longkang di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya telah dilaksanakan.

Makluman**3.94 PENUTUP BESI LONGKANG**

Kerja-kerja pembaikan penutup besi longkang yang melintangi Jalan Cheras Hartamas di hadapan kedai baru Bukit Segar dan The Marks akan dilaksanakan dan dijangka siap pada hujung bulan Ogos 2013.

Makluman**3.95 TANDA JALAN TUMBANG**

Kerja-kerja pembaikan tanda jalan yang tumbang di tepi Jalan Cheras Hartamas berhampiran Bayu Mas dijangka siap pada akhir Bulan Ogos 2013.

Makluman

3.96 'ROLLER SHUTTER' TERTUTUP

Jabatan Bangunan dan Senibina serta Bahagian COB akan menyemak semula status rumah sampah di hadapan kedai Bukit Segar dan mendapatkan kunci 'roller shutter' rumah sampah tersebut yang tertutup sehingga sampah dibuang di hadapan rumah sampah tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.97 PERMOHONAN PEMBUKAAN JALAN KE TAMAN SEGAR

Pihak jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak DBKL bagi mendapatkan ulasan berkenaan sambungan jalan ke kawasan pentadbiran DBKL. Mesyuarat penyelarasan akan dilaksanakan bagi melihat dari aspek teknikal sambungan jalan yang dicadangkan.

Pihak DBKL telah mengemukakan maklumbalas bahawa jalan berkenaan tidak boleh disambungkan kerana ianya adalah lot persendirian (lot 39723). Ahli Majlis kawasan memohon salinan surat dihantar kepada beliau untuk tujuan semakan semula ke DBKL.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.98 PERMOHONAN PADANG

Jabatan memohon supaya permohonan padang ceria untuk penduduk di Zon 24 berhampiran tasik di hadapan danau Mas atau di tepi surau, Pangsapuri Bukit Segar A1, Jalan Cheras Hartamas dibuat secara bertulis melalui borang

permohonan yang disediakan di jabatan serta surat permohonan dari pejabat ADUN.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.99 PERMOHONAN BONGGOL

Semakan jabatan mendapati tiada keperluan pemasangan bonggol di Bukit Segar Jaya 2 antara rumah 12A dan 16 Jalan BSJ 5 serta rumah 22A dan 26, Jalan BSJ 3A.

Makluman

3.100 SEMAKAN KAWASAN LAPANG

Kerja-kerja semakan kawasan lapang di Bukit Segar Jaya 2 kerana di dapati tanah di kawasan tersebut sentiasa basah dan lembap sedang dijalankan dan dijangka selesai pada hujung bulan Ogos 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.101 PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembersihan longkang di Bukit Segar Jaya 2 terutamanya longkang di tepi tapak permainan kanak-kanak yang telah pecah telah dilaksanakan. Kerja-kerja pembaikan longkang dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.102 KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Keperluan sebuah dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk akan disenaraikan dalam bajet pembangunan tahun 2014.

Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.103 PEMBINAAN TANDAS HARAM

Semakan telah dibuat oleh pihak jabatan pada 29 Julai 2013 dan mendapati tiada sebarang pembinaan tandas haram di pasar pagi Taman Maju Jaya. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan longkang telah dilaksanakan. Jabatan diminta untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang struktur yang dibina tanpa kebenaran.

Tindakan :
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Bangunan dan Senibina/
Jabatan Penguatkuasa**

3.104 PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Bahagian COB telah mengambil tindakan dengan menghubungi pihak yang membuat penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A namun tiada jawapan. Makluman akan dihantar kepada pihak TNB untuk tindakan pemotongan.

Tindakan :
Bahagian COB

3.105 REBAN AYAM

Jabatan telah mengeluarkan notis kepada penduduk yang membina reban ayam di kawasan lapang di Flat Taman Dagang Fasa 2A. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.106 KENDERAAN BURUK

Jabatan telah mengeluarkan notis terhadap sebuah kenderaan buruk terbiar di Lorong L Kg. Pandan Dalam yang telah lama diletakkan di tepi jalan. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan selepas tamat tempoh notis.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.107 MOHON SEMAKAN LESEN PERNIAGAAN

Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 18 kompaun terhadap perniagaan di Mydin Mart di Pandan Utama 2 yang berniaga tanpa lesen. Tindakan sitaan juga telah dibuat sebanyak beberapa kali. Mesyuarat memohon supaya arahan untuk penutupan premis perniagaan dibuat sehingga permohonan lesen diluluskan.

(Minit mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil 9.2013)

Tindakan :

Jabatan Pelesenan

3.108 MENAIKTARAF PADANG

Jabatan memaklumkan kos untuk membaiki padang bola di Taman Dagang Fasa 1 yang mendap tidak mencukupi dan memerlukan kerja sebutharga.

Makluman

3.109 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di jalan-jalan berikut telah dilaksanakan.

- i. Jalan Bunga Tanjung 8 (berhampiran pasar)
- ii. Jalan Teratai 1/ 2 (berhampiran lampu isyarat)
- iii. Lampu Isyarat di Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Tanjung 7, manhole tenggelam dan jalan rosak.

Makluman

3.110 CANTAS POKOK

Status kerja-kerja cantasan pokok di lokasi di bawah adalah seperti berikut:

- i. 3 pokok besar di Jalan Mawar 15. –Dalam Tindakan jabatan
- ii. Jalan Bunga Cempaka 6A – Telah dilaksanakan
- iii. Jalan Bunga Mawar 5A – Dalam tindakan jabatan.

Tindakan :

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.111 LONGKANG TERSUMBAT DAN ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak dan tersumbat di sebelah padang Jalan Bunga Cempaka 5 (hadapan kedai hardware) telah dilaksanakan.

Makluman

3.112 PELEBARAN JALAN

Berhubung isu pelebaran jalan di Jalan Bunga Melati 8 yang telah ditangguhkan jabatan telah menghantar surat susulan kepada YB ADUN berkaitan perkara ini pada 17 Ogos 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.113 PERSEMPADANAN ZONING AHLI MAJLIS BAGI ZON 21 DAN 22

Jabatan akan membuat semakan semula berhubung persempadanan zoning Ahli Majlis bagi Zon 21 dan 22 supaya setiap taman di bawah jagaan seorang Ahli Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.114 MENAIKTARAF LONGKANG

Jabatan memaklumkan proses sebutharga bagi kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan 12 Ampang Jaya akan dilaksanakan pada bulan September 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.115 TEBING RUNTUH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh di sungai Kg Melayu di Jalan Pinang, Kg. Melayu Ampang di bawah tanggungjawab pihak JPS. Surat makluman telah dihantar kepada pihak JPS untuk tindakan.

Tindakan :
JPS Hulu Langat

3.116 TURAP JALAN

Jabatan mendapati tiada keperluan untuk kerja penurapan di sekitar kawasan Public Bank Kg. Melayu. Walau bagaimanapun kerja penampalan akan dilaksanakan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.117 BUS STOP ROSAK

Kerja-kerja pembaikan bus stop yang telah rosak di Kg. Cheras Baru dijangka siap pada bulan Ogos 2013

Makluman

3.118 SAMPAH TIDAK ANGKAT

Kerja-kerja kutipan sampah di Jalan 48 dan Jalan 52 Kg. Cheras Baru telah dilaksanakan. Jabatan akan mengeluarkan salinan jadual kepada ahli majlis kawasan.

Makluman

3.119 STATUS TANAH UKRC

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini telah dibawa ke peringkat negeri dan Majlis menunggu keputusan mesyuarat MMKN berhubung perkara ini dan tindakan selanjutnya.

**Tindakan :
Jabatan Perancang bandar**

4. HAL-HAL LAIN**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI****4.1 PROSEDUR PEMBINAAN DI ATAS TANAH MILIK MAJLIS**

Beliau memohon penerangan berkenaan prosedur yang digunakan oleh pihak luar seperti Kementerian Belia dan Sukan untuk membina kemudahan-kemudahan di atas tanah milik Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

4.2 PAPAN TANDA TUNJUK ARAH

Penduduk Taman Melur memohon supaya di tambah papan tanda tunjuk arah di Taman Melur dari Lebuhraya MRR2 kerana sangat kurang papan tanda tunjuk arah ke Taman Melur.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.3 PERKHIDMATAN KONTRAKTOR SISA PEPEJAL

Kontarkator sisa pepejal di kawasan Taman Keramat tidak menjalankan tugas dengan baik dan sejak akhir-akhir ini dan banyak aduan daripada penduduk sekitar. Mohon ambil tindakan yang sewajarnya.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

4.4 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan di sekitar Ampang Point berdekatan Restoren Rasyid tidak menyala.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.5 KAJIAN TRAFIK DI SEKITAR AMPANG POINT

Mohon dibuat kajian trafik lalu lintas di sekitar kawasan Ampang Point yang sering berlaku kesesakan lalulintas.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.6 PEMASANGAN INTERLOCKING DI AMPANG POINT

Mohon jabatan untuk memasang 'interlocking' di antara pembahagi jalan di kawasan Ampang Point.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**4.7 MENAIKTARAF JERJI BESI PERANGKAP AIR HUJAN**

Mohon kerja-kerja menaiktaraf jerji besi perangkap air hujan di Jalan Saga 5 (persimpangan antara jalan Saga 1 dan Jalan Melur 11 serta Melur 15.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.8 MOHON PEMBINAAN TANGGA

Keperluan tangga pada cerun dari Jalan Saga 5 ke Jalan Saga 6 untuk kegunaan penduduk sekitar.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.9 BAS DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Terdapat sebuah bas yang diletakkan di bahu jalan di Jalan Taman Mawar.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

4.10 PEMBAKARAN TERBUKA

Beliau memaklumkan terdapat pembakaran terbuka di atas jalan di kawasan Taman Bukit Teratai dan Taman Megah Jaya sehingga menyebabkan premix jalan rosak. Habuk dan kesan pembakaran juga ditinggalkan disitu. Perkara ini mohon disemak dan tindakan.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN HASAN**4.11 LONGKANG ROSAK**

Longkang di hadapan Surau Al Huda Taman Maju Jaya Fasa 3 mengalami kerosakan dan perlu dibaiki bagi melancarkan aliran air.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.12 MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Mohon dinaiktaraf dan pembersihan dijalankan di jejantas Pandan Indah yang sangat uzur dan kotor.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD**4.13 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH**

Persatuan penduduk serta penduduk memohon supaya dipasang lampu limpah di Dewan Taman Bukit Indah.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.14 PERMOHONAN TAMBAHAN LAMPU LIMPAH

Penduduk Taman Bukit Indah memohon untuk tambahan lampu limpah di kawasan Taman Botani.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN LIM FONG LEN**4.15 PERMOHONAN BONGGOL**

Penduduk di Jalan 12 Taman Muda memohon supaya 2 bonggol dibina untuk meperlahankan kenderaan yang laju.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.16 LONGKANG RUNTUH

Longkang diantara pasar pagi dan pasar pagi ekspos di Taman Muda telah runtuh dan mohon dibaiki.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.17 LONGKANG RUNTUH

Longkang runtuh di Jalan Bunga Tanjung 8 Taman Muda dan mohon dibaiki segera.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

TUAN WONG KHAI PUN**4.18 PAPAN TANDA RUNTUH**

Papan tanda nama taman di Jalan 3/1 Taman Pandan Perdana telah runtuh dan mohon dibaiki atau diganti yang baru.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.19 PAPAN TANDA ROSAK

Papan tanda ' Jalan Perdana 9/10' telah rosak dan mohon digantikan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.20 JALAN ROSAK

Jalan 3/1 Pandan Perdana berhampiran selekoh menghala ke Pandan Height Condo telah rosak teruk dan mohon dibaiki.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.21 PAPAN TANDA DILARANG MELETAKKAN KENDERAAN

Mohon didirikan papan tanda 'Dilarang Meletakkan Kenderaan' di Jalan 6/2 Pandan Perdana iaitu di 'kerb' jalan yang telah dibuka.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.22 TURAP JALAN

Mohon kerja-kerja turapan jalan di Jalan 12 dan Jalan 14 Cheras Indah.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.23 PERMOHONAN PENUTUP LONGKANG

Mohon pemasangan penutup longkang di kawasan perniagaan Pandan Perdana Jalan 4/1,4/3,4/5 dan 4/8.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

4.24 ISU DI RUMAH TERES TAMAN LEMBAH MAJU

Terdapat dua (2) isu di kawasan rumah teres 2 tingkat Taman Lembah Maju seperti berikut dan mohon tindakan segera.

- i) Jalan Maju 1/ 2 tidak disapu dan kotor
- ii) Padang permainan tidak disapu dan diselenggara dengan baik.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.25 KREN PANJANG DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Sebuah kren panjang diletakkan di atas rumput di bahu jalan di Jalan 5/7 pandan Perdana (belakang tennis court). Mohon tindakan penguatkuasaan diambil.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

4.26 TEBING LONGKANG PECAH

Mohon tindakan pembaikan ke atas tebing longkang pecah dan rosak di Lembah Maju jalan 1/21/4,1/6,1/8,1/5 dan 1/7.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan**4.27 PEMBAIKAN TIANG GOL**

Mohon kerja-kerja pembaikan tiang gol yang telah tumbang di padang awam Jalan Indah 11 Cheras Indah.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.29 BINAAN STRUKTUR HARAM

Terdapat kerja-kerja pembinaan struktur haram di hujung Jalan 9/10 Pandan Perdana (belakang kuil hindu) Mohon semakan dan tindakan diambil.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan senibina**

4.30 'CAR WASH' HARAM

Mohon tindakan penutupan 'car wash' haram bersebelahan Dewan Cheras Indah.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

PUAN SIAN KENG ENG**4.31 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Lampu jalan di sepanjang jalan hadapan Cheras Hartamas fasa 1 tidak menyala. Jalan tersebut juga tidak disapu. Mohon dipanjangkan ke pihak MPKj untuk tindakan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.32 LONGKANG TERSUMBAT

Longkang di seluruh kawasan 'Ampang Korea Town' tersumbat. Aduan dibuat oleh Miss Ann, C14-1, Jalan Ampang Utama. Sila hubungi Ann Lee ditalian 012-3564034.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.33 PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN

Mohon tindakan Jabatan Perhutanan untuk membersihkan kawasan di belakang Cheras Hartamas fasa 1 (bersebelahan pejabat JKP) yang bersemak samun dan lalang yang tumbuh tinggi.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.34 ISU LORI DITAPAK BINAAN

Lori-lori besar yang keluar masuk di tapak pembinaan di Pangsapuri Cengal dan menggunakan jalan bulatan hadapan Danau Mas dan Vista Mas menyebabkan 'interlocking pavement' telah pecah.

Tindakan :
**Jabatan Kejuruteraan/
Jabatan Penguatkuasa**

4.35 PEMASANGAN TIANG LAMPU DI TASEK PERMAI

Pemasangan tiang lampu baru di Lot 1200 Kg Tasek Permai telah siap tetapi lampu tidak menyala sehingga sekarang. Pengadu Mr. Tenssen Lee 019-3393178.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.36 'STOP WORK ORDER' KEPADA PEMAJU THE MARKS

Mohon keluarkan 'stop work order' kepada Pemaju The Marks yang telah menghantar tanah, batu bata ke Taman Bukit Segar. Terdapat banyak aduan dari penduduk di Pangsapuri A7 dan Pangsapuri Cemara dan penduduk sekitar. Mohon dimaklumkan ke PTD Hulu Langat untuk tindakan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS

4.37 MOHON LAMPU JALAN

Mohon tindakan jabatan untuk memasang lampu jalan di tapak letak kenderaan seluruh kawasan Flat Taman Dagang kerana kawasan tersebut terlalu gelap.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.38 GERAJ HARAM DIDIRIKAN DI ATAS TEMPAT LETAK KENDERAAN

Terdapat aduan dari penduduk di kawasan Flat Taman Nirwana terdapat gerai yang didirikan di atas tempat letak kenderaan sehingga menyebabkan kekurangan tapak letak kenderaan untuk penduduk di situ.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.39 TURAP JALAN

Mohon kerja-kerja turapan jalan di Jalan Cempaka 14 (hadapan 7 Eleven).

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.40 AIR BERTAKUNG

Mohon semakan dan tindakan diambil terhadap air bertakung di longkang di hadapan rumah no 45 Jalan F, Kg Pandan Dalam sehingga menyebabkan banjir apabila hujan lebat.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.41 MOHON LAMPU DI TAMAN MESTIKA**

Mohon pemasangan lampu di Taman Mestika kawasan rumah flat. Beliau memaklumkan hanya terdapat tiang lampu sahaja di kawasan tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.42 KENDERAAN DI BAHU JALAN

Beliau memohon tindakan penguatkuasaan dibuat segera terhadap kenderaan yang di letakkan di kedua-dua belah bahu jalan di Jalan 49, Kg Cheras Baru hadapan Glenview Apartment.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

TUAN RAZALI BIN RAMLY

4.43 ISU PEMBINAAN STRUKTUR BANGUNAN DI KUALA AMPANG

Beliau memaklumkan terdapat pembinaan bangunan di tanah rezab JPS di Kuala Ampang (belakang sekolah). Mohon semakan dan arahan pemberhentian kerja.

**Tindakan :
JPS Gombak**

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
22 Ogos 2013

6.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.8/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 OGOS 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.18 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 5. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 6. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 7. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 8. | Tn. Haji A. Yazid Bin Alias | - | " |
| 9. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 10. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob DSIS, SIS | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 8/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.08/2013 telah diadakan pada 21 Ogos 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN-URUT
TRADISIONAL**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan –Urut tradisional bagi tahun 2013.

2.1.2 **Pusat kecantikan** - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital

atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisment lain yang sama dengannya.

2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupunktur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

- 2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan –Urut tradisional oleh Ly Tan Traditional Massage Sdn.Bhd. selama 2 tahun dan menjelaskan kompuan seperti di **Lampiran 1**.

2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE

- 2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat –Pub & Kafe bagi tahun 2013.
- 2.2.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.
- 2.2.3 **Kafe** bermaksud restoran atau `coffee house' yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.
- 2.2.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.
- 2.2.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Pub& Kafe oleh Invenzioni Food Management Services Sdn.Bhd. dengan syarat menjelaskan kompuan seperti di **Lampiran 2**.

2.3 KERTAS MAKLUMAN PEMBAHARUAN LESEN BAGI TAHUN 2014.

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman pembaharuan lesen bagi tahun 2014.

2.3.2 Bagi pembaharuan lesen premis perniagaan dan papan iklan, pihak Jabatan telah memberikan syarat supaya lesen hendaklah diperbaharui **3 bulan** sebelum tamat tempoh iaitu bermula bulan Oktober sehingga Disember setiap tahun.

2.3.3 Pembaharuan selepas tamat tempoh, boleh dikenakan kompaun sebanyak maksimum RM1,000.00 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan UUK 3, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 iaitu :

'Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perniagaan dan perindustrian atau menggunakan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak berkuasa Melesen.'

2.3.4 Sebagai makluman, Notis Pembaharuan Lesen Tahun 2014 akan diedarkan pada bulan September, 2013 kepada sebanyak **9293 premis berlesen** tahun 2013 yang memberi peringatan kepada pemegang lesen supaya segera memperbaharui lesen masing-masing.

2.3.5 Pembaharuan lesen tahun 2014, boleh dibuat di Ibu Pejabat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya setiap hari bekerja termasuk hari Sabtu (kecuali cuti umum) bermula **1 Oktober 2013**.

2.3.6 Bagi melancarkan lagi proses pembaharuan lesen, Majlis akan membuka Kaunter Luar di Kompleks-kompleks Membeli Belah kawasan Majlis seperti tahun-tahun sebelum ini seperti berikut :-

TARIKH	LOKASI	MASA
1 - 4 Okt. 2013	SPECTRUM SHOPPING COMPLEX, BANDAR BARU AMPANG.	10.30 pg - 4.00 ptg (Hari Bekerja)
7 - 11 Okt. 2013	PARAGON POINT SHOPPING COMPLEX, TMN. MUDA.	
14 -25 Okt. 2013	GALAXY AMPANG SHOPPING COMPLEX, TMN. DAGANG.	
28 Okt - 1 Nov. 2013	PANDAN SAFARI SHOPPING COMPLEX, PANDAN PERDANA.	
4 – 8 Nov. 2013	AMPANG POINT SHOPPING COMPLEX, TMN. DATO' AHMAD RAZALI.	
11 -15 Nov. 2013	GIANT SUPERSTORE, TMN. PERMATA.	
18 - 22 Nov. 2013	TESCO STORES, DATARAN PANDAN PRIMA.	
25 -29 Nov. 2013	AXIS ATRIUM, TMN. CEMPAKA.	
2-6 Dis. 2013	CARREFOUR AMPANG, TMN. DAGANG PERMAI.	
9-13 Dis. 2013	KAUNTER BAYARAN CAWANGAN MELAWATI, BAZAR MELAWATI	
16-20 Dis. 2013	GIANT SUPERSTORE, TMN. WANGSA UKAY.	
23-31 Dis. 2013	TLK BERHAMPIRAN HATA SQUARE, PANDAN MEWAH	

*** Tertakluk kepada perubahan dan tidak termasuk cuti umum.**

2.3.7 Mesyuarat turut dimaklumkan berhubung Perbandingan Kutipan Pembaharuan Lesen Tahun 2011, 2012 dan 2013. (Kutipan bulan Oktober – Disember)

BIL	LOKASI KUTIPAN	TAHUN					
		2011		2012		2013	
		JUMLAH PREMIS	KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS	KUTIPAN (RM)	JUMLAH PREMIS	KUTIPAN (RM)
1.	Kaunter MPAJ	4394	2,612,242.00	2589	1,493,995.00	5785	3,197,006.00
2.	Pusat Membeli Belah	828	349,674.00	1084	478,571.00	1159	513,092.00
JUMLAH		5222	2,961,644.00	3673 (- 29%)	1,972,566.00 (- 33%)	6944 (+ 47%)	3,710,098.00 (+ 46%)

2.3.8. Berdasarkan statistik, jumlah pembaharuan lesen tahun 2012 telah menurun sebanyak **3673** iaitu **29 %** dengan kutipan sebanyak **RM1,972,566.00**. Manakala jumlah pembaharuan tahun 2013 telah meningkat kepada **6944** iaitu **47%** dengan kutipan sebanyak **RM3,710,098.00**.

2.3.9 Peningkatan kutipan pembaharuan lesen tahun 2013, adalah hasil daripada tindakan yang diambil pihak Jabatan dimana **tidak membenarkan sebarang tempoh lanjutan lagi** untuk pembaharuan lesen tahun 2013 dan pengenaan **kompau maksimum RM1,000.00** telah dilaksanakan kepada pemegang lesen yang **gagal membaharui lesen** sebelum 31 Disember 2012 bermula **2 Januari 2013**. Pengurangan bayaran kompaun telah diberikan sebanyak 80% kepada pemegang lesen yang membaharui lesen pada Januari - Mac, 2013 iaitu RM200.00, manakala pengurangan sebanyak 30% (RM700.00) kepada pemegang lesen yang membaharui lesen pada April, 2013 dan seterusnya.

2.3.10 Hasil daripada pelaksanaan pengenaan kompaun tersebut, Majlis telah mengutip hasil kompaun lewat membaharui lesen sebanyak **RM207,300.00** (Januari 2013 – Julai 2013).

2.3.11 Tahun ini, pihak jabatan akan mempergiatkan lagi promosi bagi meningkatkan lagi hasil kutipan pembaharuan lesen seperti berikut:-

- i. Pembukaan Kaunter Luar di beberapa Kompleks Membeli Belah terpilih.
- ii. Notis Pemberitahuan/Makluman di Laman Web Majlis.
- iii. Paparan di papan elektronik Ampang Point
- iv. Notis Makluman di Billboard Majlis.
- iv. Hebahan di Media Massa.
- v. Pemasangan banner di kawasan strategik Majlis.
- vi Notis Pemberitahuan di akhbar pelbagai bahasa(4 bahasa).
- vii Mempergiatkan lagi rondaan dan pengedaran 'flyers' dalam 2 bahasa (Bahasa Malaysia/Inggeris) kepada setiap premis dalam kompleks dan persekitaran Kompleks (semasa pembukaan Kaunter Luar).

- vii Menggunakan khidmat Pengurusan Kompleks untuk membuat pengumuman kepada para penyewa premis di dalam Kompleks bagi membantu mempromosi pembukaan Kaunter Luar Majlis.

2.3.12 Jabatan juga akan memberi sijil penghargaan kepada pemilik perniagaan yang membaharui lesen terawal.

2.3.13 Memberi sijil penghargaan kepada Kompleks Membeli Belah yang memperolehi hasil kutipan tertinggi dalam aktiviti pembaharuan lesen di tempat mereka.

2.3.14 Pembaharuan lesen secara `online' melalui MyGovExchange @www.mpaj.gov.my

2.3.15 Pihak Jabatan akan meneruskan tindakan penguatkuasaan ke atas pemegang lesen yang gagal membaharui lesen sebelum 31 Disember 2013 dengan mengenakan kompaun maksimum **RM1,000.00** bermula **2 Januari, 2014**.

2.3.16 Operasi dan tindakan penguatkuasaan juga akan dijalankan ke atas-premis-premis tidak berlesen bermula 2 Januari, 2014.

2.3.17 Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum kertas pembaharuan lesen bagi tahun 2014.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

**3.1. KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN
JALAN MULIA 1/1**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa peniaga gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 telah mengemukakan permohonan lesen sementara. Mohon jabatan berkaitan untuk mendapatkan syarat nyata kegunaan tanah tersebut berdasarkan borang hakmilik sementara 11 AK (pajakan selama 99 tahun) yang dikemukakan oleh peniaga.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/**

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Pihak Majlis sedang menunggu keputusan MMKN berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak berniaga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue merupakan tapak kosong dan tidak direzabkan lagi.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.3 RUMAH SAMPAH UNTUK DIJADIKAN KIOSK PERNIAGAAN

Mesyuarat dimaklumkan lima peniaga telah menerima tawaran dan menjelaskan semua pembayaran dan akan

mula berniaga pada 1 September 2013 di kiosk di Flat Ukay Perdana. Mesyuarat juga memaklumkan terdapat permohonan oleh peniaga lain untuk berniaga di kawasan tersebut.

Pihak jabatan diminta untuk menyemak kawasan sekitar yang telah direzabkan sebagai kawasan berniaga untuk memberi ruang kepada peniaga-peniaga lain di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4 KAJI SEMULA GERAJ KOSONG DI FLAT 610, PANDAN INDAH

Semakan jabatan ke atas gerai no 16, 18 dan 20 di Flat 610, Pandan Indah mendapati peniaga belum mengosongkan gerai tersebut. Tindakan susulan akan dibuat pada 23 Ogos 2013.

Tindakan:
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa**

3.5 SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis pemberitahuan penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat dengan penggantungan banner pada 15 Julai 2013. Jabatan memaklumkan terdapat rayuan dari pihak peniaga untuk berniaga pasar malam seperti sedia ada iaitu pada setiap Hari Isnin. Walau bagaimanapun, penduduk masih membantah kewujudan pasar malam di kawasan tersebut.

Jabatan diminta untuk menyemak pasar malam sediaada di kawasan berhampiran dan menawarkan peniaga-peniaga tersebut untuk berniaga di pasar malam tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.6 PERNIAGAAN RESTORAN DI PANGSAPURI CEMARA

Berhubung isu Restoran Al akbar yang beroperasi di C2-B-O, Blok B, Pangsapuri Cemara 2 Cheras Hartamas, kompaun 19(1)(d)-2004046547 dikeluarkan ke atas restoran dan kompaun UUK3-2004046548 dikeluarkan kepada Cyber Café. Tindakan sitaan sebanyak 5 kali sejak tahun 2012.

Makluman

3.7 GERAJ HARAM DI PANGSAPURI MERANTI

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada penjaja-penjajagerai haram di hadapan Pangsapuri Meranti Cheras Hartamas pada 12 Ogos 2013 atas kesalahan mendirikan struktur di tempat awam dalam tempoh 14 hari. Tindakan selanjutnya akan diambil selepas notis tamat.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.8 AKTIVITI PENJUALAN CD HARAM

Mesyuarat dimaklumkan tindakan sitaan telah dibuat pada 19 Ogos 2013 ke atas aktiviti penjualan CD haram secara terbuka di lokasi seperti tersebut di bawah.

- i. Bandar Baru Ampang (hadapan Seven Eleven)
- ii. Bandar baru Ampang (hadapan Maybank)
- iii. Taman Kosas (Hadapan Seven Eleven)

Mesyuarat juga memohon supaya laporan dibuat kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk tindakan sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4. HAL-HAL LAIN**TUAN WONG KHAI PUN****4.1 PUSAT SIBER CAFE HARAM**

Terdapat siber cafe haram di no. 30 Jalan Perdana 4/3, Pandan Perdana. Mohon tindakan penguatkuasaan.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.2 PENIAGA BESI BURUK

Beliau memaklumkan terdapat peniaga besi buruk di kawasan lapang Jalan 6/2 Pandan Perdana (hadapan Restoran Saujana). Mohon tindakan sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.3 SIBER CAFE HARAM

Siber cafe haram dan gerai makanan di bawah Blok A11 Jalan Mewah 4, Pandan Mewah.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.4 HALANGAN TEMPAT LETAK KERETA

Terdapat beberapa halangan tempat letak kereta di Jalan Perdana 4/1, Pandan Perdana. 3 kedai yang dikenalpasti menyebabkan halangan tersebut adalah Restoren Chicken Rice, tempat cuci kereta dan kedai penghawa dingin. Beliau memaklumkan dianggarkan 15 buah tempat letak kereta telah dihalang di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.5 KUTIPAN DUIT SEWA DI KAWASAN RUMAH KEDAI

Beliau memaklumkan terdapat aktiviti mengutip duit sewa di kawasan rumah kedai di Pandan Perdana (berhampiran pejabat Lim Ah Chai) oleh pihak-pihak tertentu. Beliau mendapat maklumat kutipan tersebut bagi tujuan

penyelenggaraan kawan tersebut dan insurans kedai-kedai tersebut, namun tidak dapat kesahihannya. Mohon siasat perkara ini dan tindakan sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

4.6 'PARKING' DI 'KERB' JALAN

Jalan baru dibuka di Jalan 6/2 Pandan Perdana namun terdapat kenderaan yang 'parking' di atas kerb tersebut. Mohon tindakan penguatkuasaan diambil.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.7 PENGGUNAAN WANG KERTAS PALSU

Mohon pihak polis menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aktiviti penggunaan wang kertas palsu di sekitar Pandan Perdana.

Tindakan:
Polis

TUAN JAFRIEN BIN MOHAMMAD

4.8 KHEMAH PENIAGA DI TEMPAT LETAK KERETA

Premis-premis perniagaan di Taman Permata dan Taman Melawati yang meletakkan khemah di kawasan tempat letak kereta. Mohon semakan dan tindakan diambil.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan

TUAN MEOR RITHUAN BIN SAID**4.9 AKTIVITI PENJUALAN CD HARAM SECARA TERBUKA DI PANDAN JAYA**

Berlaku aktiviti penjualan CD haram secara terbuka di Pandan Jaya berhampiran Maybank Pandan Jaya di Jalan Pandan 2/1. Mohon tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan:
Polis**

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**4.10 ADUAN BUNYI BISING**

Aduan penduduk berkenaan' aircond' yang berbunyi bising di sebuah kedai menjual ubat tradisional sehingga mengganggu penduduk sekitar di Jalan 15 Taman Mawar . Mohon semak dan tindakan sewajarnya.

**Tindakan:
Jabatan Pelesenan**

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23 Ogos 2013

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 1

SULIT

1) LY TAN TRADITIONAL MASSAGE SDN BHD (rujukan 8/3/36)

- Nama pemohon : En. Yap Kok Keong
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 38A, Jalan Pandan 2/1, Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur.

- Kawasan : Pandan Jaya, Dun Cempaka
- Lokasi : Kedai Pejabat
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 5 Ogos 2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 2 November 2012.
- Ulasan PBK : Pemeriksaan pada 2 Julai 2013,
tiada halangan dengan syarat
 - a) Memastikan **semua** pekerja mempunyai sijil kelayakan dan rekod pemeriksaan kesihatan
 - b) Menyediakan peti rawatan kecemasan
 - c) Memastikan tuala dan peralatan lain yang diguna dibasuh dengan pencuci basmi kuman
 - d) Menyediakan tong sampah yang bertutup

- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012
- Kompaun : 1 kompaun pada 27.1.2011 no siri 2004035131E

- Jumlah pekerja : 6 orang (perempuan)

- Sijil Kelayakan : Ada
- Syor : Kelulusan untuk tempoh 2 tahun iaitu 2013 dan 2014 dan mematuhi syarat oleh PBK dan menjelaskan kompaun yang tertunggak
- Keputusan : Lulus untuk tempoh 2 tahun dan menjelaskan kompaun

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 2

1) INVENZIONI FOOD MANAGEMENT SERVICES SDN BHD (6-19257 H)

- Nama pemohon : Nik Zaiton binti Nik Abdullah
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : G1 Kompleks Sukan Ampang,
Persiaran Dato Ahmad Razali,
Ampang
- Kawasan : Taman Dato Ahmad Razali, Bukit
Antarabangsa
- Lokasi : Kompleks Sukan
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 24 Julai 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 4 April 2013
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Syarikat ini telah membuat
pembatalan lesen premis hiburan
pada 19 Januari 2012 dengan lesen
terakhir bagi premis hiburan –
Pusat Hiburan
Istirehat : Café adalah tahun 2011.
: Permohonan membaharui semula
lesen hiburan dikemukakan pada 7
Jun 2013
- Kompaun : 2 kompaun no siri 200400863E,
bertarikh 8 Oktober 2009 dan no siri
2004000715 bertarikh 11 Januari 2013
Seksyen 6(1) iaitu kesalahan
menjalankan aktiviti hiburan tanpa
lesen

- Syor : Lulus –menjelaskan kompaun yang tertunggak
- Keputusan : Lulus dan menjelaskan kompaun

SULIT

**6.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KESIHATAN, ALAM SEKITAR
DAN KEMASYARAKATAN
BIL.8/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.08/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 OGOS 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.40 TENGAHARI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abd. Latif Bin Shaari | - | '' |
| 4. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | '' |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | '' |
| 6. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | '' |
| 7. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | '' |
| 8. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | '' |
| 9. | Tn. Lim Fong Len | - | '' |
| 10. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | '' |
| 11. | Tn. Supiraman a/l Sinnapayal | - | '' |
| 12. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | '' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS - YDP, MPAJ
2. Tn. Haji Ali Bin Ismail - Ahli Majlis

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.08/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 08/2013 telah diadakan pada 22 Ogos 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. ASPEK KESIHATAN

**2.1.1. PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR
AMPANG JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan bagi kes denggi sehingga minggu Epid ke 34 sehingga 22 Ogos 2013, dilaporkan 818 kes denggi di mana 810 Demam Denggi dan 8 Demam Denggi Berdarah. Terdapat 5 lokasi wabak denggi terkawal iaitu di AU4, Taman Dagang Permai, Jalan 2/7A dan 2/7B Taman Bukit Teratai, Fasa 3 Taman

Bukit Indah dan Jalan 10 Pandan Perdana. Walau bagaimanapun tiada wabak baru yang dilaporkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan telah mengambil tindakan kawalan awal dilakukan iaitu menabur racun Racumin di lubang-lubang yang berpotensi di sekitar Medan Selera Taman Bukit Indah pada 21 Ogos 2013 dan perangkap tikus juga dipasang pada 22 Ogos 2013, ini adalah salah satu aktiviti bagi Kempen menangkap tikus, Kempen Zon Bersih dan Pelancaran Gotong Royong Perdana yang akan dilancarkan pada 24 Ogos 2013 di Taman Bukit Indah.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat di maklumkan sehingga Julai 2013 sebanyak 628 premis diperiksa, 176 premis adalah Gred A, 283 Gred B dan manakala Gred C 169 premis. Secara keseluruhan, peratus adalah 73% dimana ianya tidak mencapai sasaran. Sebanyak 54 buah kompaun telah dikeluarkan. Operasi penutupan premis taksuci bersama PKD Hulu Langat telah dijalankan pada 31 Julai 2013, sebanyak 7 premis diperiksa, 3 buah

diarahkan tutup di bawah Akta Makanan 1983 seperti di Lampiran 1. Dicapangkan agar premis yang menerima gred C dipamerkan di premis bagi pemilihan pelanggan ke premis restoran.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2. ASPEK ALAM SEKITAR

2.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan peringatan penyediaan tong sampah kepada premis bagi bulan Julai 2013 adalah sebanyak 77 notis dan kompaun 20 telah dikeluarkan. Satu ceramah penyediaan tong sampah dan Kempen kebersihan telah dibuat di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Bukit Indah.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.2. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan daripada hasil semakan Jabatan pemaju telah menjalankan pembersihan di kawasan tersebut.

Tn. Lim Fong Len memaklumkan tapak tersebut dijadikan tempat letak kenderaan. Mohon semakan dibuat terhadap status tapak tersebut, kelulusan, kadar bayaran dan sebagainya. Kerja-kerja pembersihan tapak tersebut yang dilakukan secara pembakaran semak samun juga telah menyebabkan pencemaran udara.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

Jabatan Perancang Bandar

2.2.3. PAPAN TANDA AMARAN LARANGAN MEMBUANG SAMPAH DI JALAN H, JALAN J DAN JALAN PERMAI A, TASEK PERMAI.

Mesyuarat dimaklumkan penyediaan papan tanda tersebut dalam proses kelulusan

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.4. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI TAMAN KOSAS

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan sedang menyediakan sebutharga bagi pembersihan kawasan tersebut bagi tujuan projek Taman Dusun

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat**2.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, pihak pemaju dikehendaki membersihkan keseluruhan kawasan terutama kawasan bersebelahan dengan Apartment Glenview Villa yang masih belum dibersihkan.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****2.2.6. RUMAH SAMPAH DI AMPANG WATERFRONT**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja kutipan sampah pukat mengikut jadual dan kontraktor sentiasa 'monitoring' dan 'controlling'. Sampah yang ada kebanyakannya dibuang oleh orang luar bukan dari sampah peniaga-peniaga tersebut.

Makluman**2.2.7. KUTIPAN SAMPAH DI KAWASAN CHERAS INDAH**

Mesyuarat dimaklumkan teguran telah diberikan kepada penyelia kawasan PPSP 23 untuk lebih peka supaya mengambil keseluruhan sampah yang berada di sekeliling tong sampah tersebut.

Makluman

2.2.8. KUTIPAN SAMPAH BUKIT B KAMPUNG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan teguran telah diberikan kepada penyelia kawasan PPSP 25 supaya memasuki kawasan tersebut mengikut jadual.

Makluman**2.2.9. PEMBERSIHAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Bunga Matahari 3, Taman Maju Jaya telah dilaksanakan pada 5 Ogos 2013 oleh PPA 37.

Makluman**2.2.10 SAMPAH HARAM**

Sampah haram di lokasi tanah kosong Jalan 6/11 dan Jalan 6/10, Tasik tambahan disenaraikan dalam sampah longgok, pemantauan serta tindakan penguatkuasaan dibuat secara berkala. Kontraktor menjalankan kerja-kerja pembersihan di setiap hari Sabtu.

Makluman**2.2.11 BANGUNAN KITAR SEMULA DI JALAN 4 M**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan telah bersetuju memberi kebenaran secara pentadbiran kepada Taiwan Buddhist Tai-Chi Foundation Malaysian

untuk menggunakan Bangunan Kitar semula di Jalan 4M bagi tujuan aktiviti kitar semula dalam bentuk kebajikan selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Kitar Semula.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan diminta menyemak semula kebenaran yang diberikan kerana Persatuan Penduduk di Jalan 4 M memohon untuk menggunakan bangunan tersebut sebagai kegunaan pejabat dan keperluan penduduk.

Tindakan

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

2.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat . Permohonan pembinaan longkang di padang tersebut akan dibuat setelah penyerahan tapak diterima.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan

Kosas 2/6 sedang dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap dalam tempoh 2 minggu.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.3. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan penyelenggaraan padang tersebut telah selesai dilaksanakan.

Makluman

2.3.4. PEMOTONGAN POKOK BULUH

Pokok-pokok buluh telah ditebang. Penanaman pokok baru (pokok bunga tanjung) dalam pelaksanaan.

Makluman

2.3.5 MENCANTAS POKOK

Kerja-kerja mencantas pokok di sekitar kawasan perumahan Flat PKNS Jalan 4M Ampang Jaya telah siap dilaksanakan.

Makluman

2.3.6. POKOK BESAR

Mesyuarat dimaklumkan sebatang pokok pong-pong telah rimbun di hadapan rumah No. 3, Jalan Bunga Melati 3 akan dicantas dan sebatang pokok Batai hidup liar terlalu besar dan tidak stabil akan ditebang di hadapan Pangsapuri Intan, Jalan Bukit Permai.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.7. PADANG FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 3 tapak pilihan yang dicadangkan kepada Ahli Majlis kawasan untuk sebuah padang futsal dibina di Taman Kencana.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.8. NAIK TARAF PADANG

Mesyuarat dimaklumkan padang awam di Jalan Cahaya 18, Taman Mewah Ampang di dalam perancangan menaik taraf oleh pihak Jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.9. GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Pihak Jabatan masih menunggu maklum balas daripada pihak PTD Hulu Langat.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.10. POKOK DI JALAN MAWAR 15, TAMAN MAWAR

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Mawar 15, Taman Mawar telah dilaksanakan.

Makluman

2.3.11. TAMAN PERMAINAN KANAK –KANAK

Permohonan Taman Permainan Kanak-kanak di Jalan 1 Ampang Jaya lokasi berdekatan Dataran Anak Muda, Ampang Jaya masih dalam tindakan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.12. PEMBAIKAN TAPAK FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan pagar yang rosak di tapak futsal Taman Bukit Jaya yang dibina oleh ADUN telah selesai dibaiki. Namun lampu yang rosak adalah di bawah penyelenggaraan Jabatan Kejuruteraan. Mesyuarat juga dimaklumkan tapak futsal terletak di bawah tanah pemaju.

Makluman

2.3.13. TUNGGUL POKOK

Mesyuarat dimaklumkan tindakan akan diambil diatas aduan tunggul pokok yang telah lama tumbang dan tunggul-tunggul yang terbiar setelah kerja-kerja pemotongan dilaksanakan di Jalan Wangsa 1, Jalan Mulia 1/1 dan Jala Mulia 2/5.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.14. POKOK MATI

Mohon diambil tindakan terhadap pokok yang telah mati di sekitar Taman Bukit Utama 2 dan Jalan Angsa, di Taman Kelab Ukay.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.15. CANTAS POKOK DI JALAN PERDANA 3 DAN PERDANA

10/6

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja mencantas pokok telah dilaksanakan di Jalan Taman Perdana Berhampiran Surau Al-Mutmainnah.

Makluman

2.3.16. CANTAS POKOK DI PANDAN INDAH

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pokok-pokok di Jalan Pandan Indah 1/14 dan Jalan Pandan Indah 1/11A, juga jalan disekitarnya masih terkawal dan tidak perlu dicantas buat masa ini.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.17. GARISAN GELANGGANG

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan sedang menyediakan sebutharga untuk kerja-kerja membuat semula garisan gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.18. POKOK TUMBANG

Mesyuarat dimaklumkan kerja mengalihkan pokok tumbang di Jalan Hilir 4, Taman Sri Angsana Hilir telah siap dilaksanakan.

Makluman

2.3.19. TEBANG POKOK

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penebangan pokok di lereng bukit cerun di hadapan Emereld Hill Taman Bukit Indah telah siap dilaksanakan.

Makluman

2.4. LAIN-LAIN ASPEK**2.4.1. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI**

Mesyuarat dimaklumkan pemasangan papan tanda larangan untuk berniaga masih dalam tindakan pembelian.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.4.2. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebuah bilik khas kemudahan Ahli Majlis masih dalam perancangan untuk mencari bilik yang lebih sesuai.

Tindakan:

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.4.3. GERAJ UPEN TAMAN SRI WATAN

Mesyuarat dimaklumkan pembaikan tandas dan kerja-kerja pemasangan lampu, papan tanda dan penurapan jalan telah siap dilaksanakan di tapak.

Makluman

2.4.4. BENDERA PARTI POLITIK

Mesyuarat dimaklumkan operasi telah dilaksanakan pada 25 Julai 2013 di Taman Angsana Hilir dan Kampung Pandan. Pada 5 Ogos 2013 pula operasi telah dijalankan di AU 2B dan Jalan Enggang, taman Keramat. Operasi akan diteruskan sehingga penghujung bulan Ogos dan pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasaan

2.4.5. PENYEMBELIHAN AYAM DI PASAR PAGI TAMAN MUDA

Pihak jabatan telah membuat semakan dan mendapati terdapat 6 orang peniaga menjual ayam. 4 orang peniaga menyembelih ayam di lokasi dan 2 orang peniaga menjual ayam yang telah diproses. Tindakan susulan akan diambil bersama Bhg Kawalan Persekitaran bagi memasti tahap kebersihan peniaga-peniaga tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.4.6. PENJAJA PASAR MALAM DI TAMAN MUDA (HARI JUMAAT DAN AHAD)

Mesyuarat dimaklumkan Persatuan Penjaja Pasar Malam tidak membenarkan peniaga membuka meja dan kerusi untuk pelanggan. Kaedah yang

dibenarkan ialah secara 'take away' sahaja. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan diambil secara berterusan dari masa ke semasa oleh pihak jabatan.

Makluman

2.4.7. GERAJ-GERAJ HARAM

Tindakan penguatkuasaan sitaan telah dibuat ke atas pertumbuhan gerai-gerai di Mutiara Court, Taman Bukit Permai dan sub-station TNB, Bukit Permai pada 5 Julai 2013 yang melibatkan 3 stall dan sebuah lori serta peralatan lain seperti kerusi, meja dan tong gas.

Jabatan diminta mengambil tindakan ke atas gerai-gerai haram yang masih beroperasi di sub-station TNB Bukit Permai yang dijalankan oleh peniaga asing dan Mutiara Court.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/

Jabatan Penguatkuasa

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

2.4.8. IKLAN HARAM

Tindakan pembersihan ke atas iklan-iklan haram seperti pengubahsuaian rumah, ubat kuat, pinjaman wang, penjualan hartanah di gantung secara haram di kawasan Taman Zoo View, kawasan perumahan Kemensah height dan Tropika Kemensah dan lain-lain kawasan dilaksanakan secara berterusan.

Makluman

SULIT

2.4.9. KESTABILAN CERUN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis arahan tindakan telah dikeluarkan kepada pemilik tanah iaitu Tetuan Cermat Jaya Sdn Bhd melalui surat no. Rujukan MPAJ.Kej.C.720-5/6/12 Jld 5 (80) bertarikh 12 Ogos 2013 diatas aduan pemantaun cerun di belakang Jalan BU 1/5 dan berhadapan Jalan LO 2/5 kerana terdapat pokok yang tidak sepatutnya tumbuh di cerun berkenaan.

Makluman

2.4.10. PARKIR KREN DI DEWAN TAMAN KENCANA DAN LORI PANJANG DI JALAN 1, BUKIT PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja memindahkan kren menghadapi masalah kerana 4 perstabil kren telah terbenam di dalam tanah. Jabatan akan cuba menyelesaikan dalam tempoh terdekat dengan menyewa kren lain atau memotong sistem hidrolik kren tersebut. Lori panjang di Jalan 1, Bukit Teratai telah dialihkan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

2.4.11. KERETA BURUK

Mesyuarat dimaklumkan kereta buruk yang terbiar di seluruh kawasan Teratai telah dinotiskan dan akan dialihkan selepas mendapat maklumbalas daripada pihak polis.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3. HAL-HAL LAIN**3.1. ASPEK ALAM SEKITAR****TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD****3.1.1. SAMPAH TIDAK DIKUTIP MENGIKUT JADUAL**

Penduduk di Apartment Bistaria mengadu sampah tidak dikutip mengikut jadual.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI**3.1.2. LONGKANG TERSUMBAT**

- a. Longkang di persimpangan Jalan AU2A dan Jalan Enggang Timur tersumbat menyebabkan banjir apabila setiap kali selepas hujan lebat.
- b. menghadap ke Masjid Al –Ansar mengalami Sebaris rumah di Jalan Enggang Timur yang banjir kilat, air yang datang adalah sangat kotor akibat dari longkang yang tersumbat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**3.1.3. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENGIKUT JADUAL**

Mohon agar kontraktor PPA di sepanjang Taman Puncak Bukit Utama sehingga Taman Bukit Mulia membuat pembersihan moonsun drain mengikut jadual termasuk bahu longkang kerana terdapat kontraktor yang gagal menjalankan penyelenggaraan

mengikut arahan. Didapati kerja-kerja penyelenggaraan moonsun drain tidak dilaksanakan mengikut jadual.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN

3.1.4. SAMPAH POKOK

Mohon agar pemberian di dalam kawasan padang Taman Maju Jaya Fasa 3, terutama sampah-sampah pokok di belakang Sekolah Agama Al Huda dan di belakang tiang gol yang berlonggok dengan banyak.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN LIM FONG LEN

3.1.5. SAMPAH BINAAN

Peduduk dari Taman Putra mengadu sampah binaan di simpang Jalan 14 dan Jalan 19 Taman Putra tidak diangkat oleh kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL

3.1.6. SAMPAH HARAM

Mohon diambil tindakan ke atas pembuangan sampah haram di Jalan Bukit Permai Utama 2.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**3.1.7. PERJUMPAAN BERSAMA KONTRAKTOR PPSP DAN PPA
ZON 21**

Beliau memohon Jabatan PBK dapat mengatur perjumpaan dengan semua kontraktor PPSP dan PPA Zon 21 bagi membincangkan isu-isu di kawasan Zon 21.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2. ASPEK KEMASYARAKATAN

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

3.2.1. CANTAS POKOK

Memohon supaya pokok-pokok yang bermasalah di sekitar Ampang Point perlu dicantas.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.2.2. GELANGGANG SKATE BOARD

Dicadangkan mengadakan gelanggang Skate Board di Dataran Anak Muda Ampang Jaya.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**3.2.3. GELANGGANG FUTSAL**

Mohon sebuah gelanggang Futsal di padang Taman Maju Jaya Fasa 3 untuk kemudahan awam terutama kepada remaja di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

TUAN LIM FONG LEN**3.2.4. POKOK HAMPIR REBAH**

Pokok yang telah condong di Jalan 19 Taman Putra mohon agar dapat dipotong.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.3. LAIN-LAIN ASPEK**TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD****3.3.1. GERAJ HARAM**

Gerai haram di hadapan pintu masuk Residensi Apartment Bistaria menyebabkan kesesakan lalu lintas. Dicapadangkan papan tanda dilarang berniaga diletakkan di lokasi tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3.2. STATUS BANGUNAN TNB DI APARTMENT BISTARIA

Beliau memohon disemak status bangunan TNB di dalam kawasan Apartment Bistaria.

**Tindakan :
Bahagian COB**

TUAN LIM FONG LEN**3.3.3. JADUAL KONTRAKTOR**

- 3.3.3.1. Jadual kutipan sampah di pameran di papan tanda pada lokasi yang sesuai untuk makluman penduduk.
- 3.3.3.2. Mohon agar jadual kutipan sampah diberikan kepada setiap Ahli Majlis.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23 Ogos 2013*

**6.5.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.8/2013**

MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**BIL.08/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 23 OGOS 2013 (JUMAAT)
MASA : 9.30 PAGI – 11.45 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN AHLI MAJLIS

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 7. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 8. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 9. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 10. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 11. | Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
| 2. | Pn. Sian Keng Eng | - | Ahli Majlis |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 08/2013**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.08/2013 telah diadakan pada 23 Ogos 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 JULAI 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Julai 2013 ialah sebanyak RM92.90juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 334,239 bil bagi tempoh penggal kedua dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Julai 2013 ialah sebanyak RM59.87juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM51.80juta; 55.76% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM8.07juta; 64.45%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Julai 2013 dan 31 Julai 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 31/07/13	01/01/12 – 31/07/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM51.80juta	RM47.59juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM4.21juta; 8.13%
Kutipan tunggakan cukai	RM8.07juta	RM7.66juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.41juta; 5.08%
Jumlah	RM59.87juta	RM55.25juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM4.62juta; 7.72%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai taksiran 1 Januari 2013 sehingga 31 Julai 2013 dan senarai 50 pemaaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Julai 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM83.61juta	RM51.80juta	RM31.81juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM8.07juta	RM0.70juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.
- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.

- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke **Convergent Technologies Operating System (CTOS)**.

2.1.7. Mesyuarat **mengambil maklum laporan analisa kutipan tunggakan cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Julai 2013.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 JULAI 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 31Julai 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM52.79juta atau 44.74% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari hingga 31Julai 2013 seperti di **Lampiran 2.**

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 31 Julai 2013 berjumlah RM19.52juta dengan perbelanjaan RM18.65juta atau 95.58%. Laporan perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 - 2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 31 Julai 2013 seperti di **Lampiran 3.**

2.2.5. Mesyuarat mengambil maklum laporan analisa prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Julai 2013.

2.3 LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 HINGGA 31 JULAI 2013

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 hingga 31 Julai 2013.

2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM59.87juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM1.76juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 31 Julai 2013 berjumlah RM61.63juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 31 Julai 2013 berjumlah RM59.27juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 31 Julai 2013 adalah sebanyak RM2.36juta.

2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 31 Julai 2013 adalah sebanyak RM66juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.

2.3.4. Perincian laporan pendapatan, perbelanjaan dan simpanan tetap adalah seperti di **Lampiran 4**.

2.3.5. Majlis masih kekurangan aliran wang tunai sebanyak RM26juta untuk perbelanjaan Ogos hingga Disember 2013 termasuk AKB Januari 2014. (Simpanan Tetap

RM27juta – Baki peruntukan vot Majlis (RM66juta-RM13juta).

2.3.6. Mesyuarat **mengambil maklum laporan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 hingga 31 Julai 2013.**

2.4. KERTAS CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SKIM PERJAWATAN PENGARAH JABATAN DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan untuk memaklumkan keputusan menerimapakai dengan pemakaian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta meluluskan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan penambahbaikan skim perjawatan Pengarah Jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.4.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2013 yang diadakan pada 9 Januari 2013 telah disahkan oleh MMKN ke 2/2013 yang diadakan pada 16 Januari 2013 telah meluluskan cadangan penambahbaikan Skim Perjawatan Jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

2.4.3. Pihak BPSM SUK telah mengeluarkan surat SUK IPK.Sel.3639/1/3 Jld.6 (12) bertarikh 1 Mac 2013, berhubung pelaksanaan penambahbaikan skim

Perjawatan Pengarah-Pengarah Jabatan PBT yang akan dilaksanakan melalui kaedah berikut :

2.4.3.1. Penyeragaman gred jawatan Pengarah Jabatan di PBT berdasarkan kategori Majlis Bandaraya/Perbandaran dan Majlis Daerah ; dan

2.4.3.2. Memberikan satu kenaikan gred jawatan dalam bentuk Non-Pensionable Allowance (NPA) kepada penyandang jawatan yang telah berkhidmat lebih dari 8 tahun di jawatan yang sama.

2.4.4. Pelaksanaan penambahbaikan skim Perjawatan Pengarah-Pengarah Jabatan di PBT ini dilaksanakan melalui insentif berikut :

2.4.4.1. Pegawai bebas daripada sebarang hukuman/tindakan tatatertib atau pun sedang disiasat bagi pertuduhan secara langsung terhadap dirinya sehingga memperoleh keputusan sebaliknya.

2.4.4.2. Mempunyai purata markah LNPT bagi tiga (3) tahun berturut-turut tidak kurang dari 85%.

2.4.4.3. Mempunyai sekurang-kurangnya lapan (8) tahun pengalaman bekerja iaitu menyandang jawatan yang sama.

2.4.4.4. Disokong dan diperakuan oleh Ketua Jabatan di PBT masing-masing dan diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Jabatan.

2.4.4.5. Pemberian Elaun Khas ini tidak melangkaui dua (2) kali kenaikan gred jawatan yang lebih tinggi.

2.4.4.6. Pemberian Elaun Khas adalah perbezaan gaji antara satu (1) gred jawatan yang lebih tinggi dengan gred jawatan hakikinya atau tiga (3) pergerakan gaji biasa gred jawatan hakikinya yang mana lebih tinggi dan

2.4.4.7. Pemberian Elaun Khas ini bukan merupakan satu pemberian tetap dan ianya boleh dibatalkan pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan dan prosedur semasa yang terpakai dengan perakuan Ketua Jabatan serta kelulusan PPSM jabatan.

2.4.5. Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan Bil.4/2013 bertarikh 22 Ogos 2013 juga telah memutuskan untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan Skim Perjawatan Pengarah Jabatan di Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) Negeri Selangor ini yang melibatkan pegawai yang layak di MPAJ iaitu :

- 2.4.5.1. En. Abd Hamid bin Hussain
(Setiausaha/TYDP Gred N52)
- 2.4.5.2. En. Othman bin Idris (Jurutera Gred J48)
- 2.4.5.3. En. Awang Mustapha bin Md Yunus
(Pegawai Perancang Bandar Gred J48)

2.4.6. Anggaran implikasi kewangan bagi Pelaksanaan Penambahbaikan Skim Perjawatan ini adalah dianggarkan berjumlah :

Bil	Elaun NPA	Pengiraan bagi Pemberian Elaun Khas
1.	NPA 52 KE 54	RM 960.00 X 12 bulan = RM11,520.00
2.	NPA 48 ke 52	RM 870.00 X 12 bulan = RM10,440.00
3.	NPA 48 ke 52	RM870.00 X 12 bulan = RM10,440.00
	JUMLAH	RM32,400.00

2.4.7. Pelaksanaan cadangan ini disyorkan untuk diterimapakai dengan pindaan di para 2.4.4.3. iaitu 8 tahun ke 5 tahun dan di para 2.4.3.1. iaitu tidak terhad kepada Pengarah Jabatan dan dipanjangkan kepada Ketua Bahagian/Ketua Unit dan pegawai yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perjawatan dan Pembangunan Modal Insan MPAJ atas faktor berikut:-

- 2.4.7.1. Bilangan perjawatan kenaikan pangkat yang terhad berdasarkan Waran Perjawatan MPAJ yang diluluskan pada 1 Januari 2011.

- 2.4.7.2. Dasar perkhidmatan awam yang kejut oleh pihak kerajaan menyebabkan permohonan perjawatan dibekukan.
- 2.4.7.3. Beban tugas dan tanggungjawab yang semakin meningkat. Dengan pemberian elaun khas ini akan menjadi satu insentif dan menjadi dorongan serta motivasi kepada pegawai-pegawai berkenaan
- 2.4.7.4. Pelaksanaan oleh PBT-PBT lain seperti Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam mengikut pindaan masing-masing berdasarkan kedudukan perjawatan dan kewangan masing-masing.
- 2.4.8. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang disyorkan seperti berikut :
- a) **menerimapakai keputusan MMKN berhubung cadangan penambahbaikan Skim Perjawatan Jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dan pindaan seperti di para 2.4.7 di atas.**
 - b) **Pelaksanaan Pemberian Elaun Khas kepada pegawai-pegawai di para 2.4.5 ini berkuatkuasa pada 1 September 2013.**
 - c) **Kelulusan akan dipanjangkan ke pihak SUK Selangor untuk makluman.**

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.**

Mesyuarat dimaklumkan, tunggakan hutang Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. sehingga Julai 2013 adalah sebanyak RM376,817.22. Mesyuarat juga dimaklumkan, bahawa satu mesyuarat penyelarasan bayaran sewa tempat letak kereta (TLK) Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. mengenai isu halangan di TLK akan diadakan pada 28 Ogos 2013 yang akan dipengerusikan oleh Tuan Timbalan Yang DiPertua.

Tindakan :

Jabatan Perbendaharaan/ Jabatan Undang-Undang

3.2. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini masih dalam tindakan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

3.3. STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, dewan tersebut telah siap sepenuhnya dan akan diserahkan kepada Majlis. Dewan tersebut masih dalam proses pembaikan oleh pihak kontraktor. Mesyuarat memutuskan dewan tersebut dapat digunakan sepenuhnya pada 1 September 2013.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam tindakan lantikan jururunding bagi penyediaan pelan-pelan rekabentuk dewan tersebut. Jangkaan iklan sebutharga adalah pada bulan pertengahan September akan datang.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.5. SENARAI DAN JUMLAH GERAJ B.O.T MAJLIS

Mesyuarat memutuskan untuk memberi perhatian terhadap pemutihan lesen yang dikeluarkan kepada penjaja BOT, supaya semua mereka membayar lesen statik penjaja.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.6. STATUS PEMUTIHAN GERAJ-GERAJ HARAM

Mesyuarat dimaklumkan, Pejabat Tanah Daerah Gombak telah membenarkan permohonan TOL bagi tapak gerai-gerai dan bangunan perniagaan tanpa kebenaran dikemukakan ke PTD Gombak. Perkara ini akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Taskforce Pemutihan Bangunan Tanpa Perniagaan Tanpa Kebenaran pada bulan September 2013.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.7. TAPAK BARU BAGI LOKASI MEDAN SELERA

Mesyuarat dibentangkan dengan enam (6) cadangan lokasi baru bagi lokasi medan selera. Cadangan lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut :

- a) Persiaran Saujana , Ampang Saujana
- b) Jalan Ukay Perdana 1 / 8, Taman Ukay Perdana
- c) Jalan Dagang 1, Taman Dagang Permai
- d) Jalan Bukit Indah 4, Taman Bukit Indah
- e) Jalan Pandan Indah 6/2, Taman Pandan Indah
- f) Jalan Watan 8, Taman Sri Watan

3 lokasi di perkara (a),(b) dan (c) dicadangkan dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan pengindahan bagi masyarakat setempat. Manakala lokasi di perkara (d), (e) dan (f) dicadangkan sebagai pembangunan semula memandangkan tapak sediaada telah digunakan oleh peniaga menggunakan struktur sementara.

Pihak jabatan diminta untuk menyediakan dokumentasi awal bagi pembinaan medan selera mengikut baget pembangunan 2014. Ahli mesyuarat turut mencadangkan projek pembangunan yang dicadangkan dilaksanakan secara penswastaaan dan meminta jabatan mengkaji cadangan tersebut dan mendapatkan garispanduan projek penswastaaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

3.8. TUNTUTAN PAMPASAN BERHUBUNG PENURUNAN BILLBOARD DAN PEMOTONGAN POKOK BAGI PROJEK BESRAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas daripada pihak Besraya. Tuntutan akan diselaraskan bersama Jabatan Kejuruteraan.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan/Jabatan Kejuruteraan

Jabatan Belia & Masyarakat

3.9. ELAUN MESYUARAT PRE COUNCIL DAN JAMUAN MESYUARAT

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis telah memaklumkan isu tersebut kepada pihak SUK dan masih menunggu maklumbalas.

Tindakan :

Jabatan Khidmat Pengurusan

4. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

6.6.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.15/2013

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 15/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 16 HB OGOS 2013 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
6.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
7.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
8.	En. Mohd Mushawwir B. Mohd Sam	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
9.	En. Mohammad Said B. Timon	JPBD Selangor
10.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
11.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
12.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
13.	En. Nik Mohd Dzarrin B. Ghifari	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
14.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
15.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
16.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
17.	En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid	SYABAS
18.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
19.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
20.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
Perunding : B. Lee Architects Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mengemukakan surat dan pelan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.6.2 TETUAN VALENCIA TERRACE SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Valencia Terrace Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/2-09/07-7
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/52/10
Tajuk : Pindaan Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan Ruj No. MPAJ 04/1/2-09/07 Bertarikh 16/08/07 Bagi Cadangan Pembangunan Mendirikan 18 Unit Rumah Berkembar 2 ½ Tingkat Fasa 2/5a Yang Mengandungi :-
- Rb 2a – (Type B) Rumah Berkembar 2 ½ Tkt (40' X 80') - 16 Unit.
- Rb 3a – (Type C1b) Rumah Berkembar 2 ½ Tkt

- (40' X 80') - 2 Unit
 - Pencawang Elektrik – 1 Unit
 Di Atas Sebahagian Lot 17191 (Pt 8492) Dan Lot 17192 (Pt 8493) Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : B. Lee Architects Sdn. Bhd.
 ADUN : Y. B. Tiew Way Keng
 : (DUN Teratai)
- Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mengemukakan surat dan pelan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
 & OSC Pembangunan.**

2.6.3 TETUAN VALENCIA TERRACE SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Valencia Terrace Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/2-16/12-1
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/52/10
 Tajuk : Pindaan Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan Ruj No. MPAJ.BS KB 740-1/2-16/12 Bertarikh 21/03/2013 Bagi Cadangan Pembangunan Mendirikan 2 Unit Rumah Berkembar 2 ½ Tingkat Fasa 2/2 Yang Mengandungi :-
 - Rb 5a – (Type E) Rumah Berkembar 2 ½ Tkt - 1 Unit.
 - Rb 5b – (Type E1) Rumah Berkembar 2 ½ Tkt - 1 Unit
 Di Atas Sebahagian Lot 17191 (Pt 8492) Dan Lot 17192 (Pt 8493) Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : B. Lee Architects Sdn. Bhd.
 ADUN : Y. B. Tiew Way Keng
 : (DUN Teratai)
- Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mengemukakan surat dan pelan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
 & OSC Pembangunan.**

2.6.4 TETUAN VALENCIA TERRACE SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Valencia Terrace Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/2-09/13
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/52/10
Tajuk : Cadangan Pembangunan Untuk Membina 53 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Dan 1 Unit Pencawang Tnb (Fasa 2a) Di Atas Sebahagian Lot 17191 (Pt 8492) Dan Lot 17192 (Pt 8493) Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
-Pembentangan Pembatalan Permohonan
Perunding : MK O Architect Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Tiew Way Keng
(DUN Teratai)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **dibatalkan** dan separuh bayaran dikembalikan seperti Jadual Pertama 15 (1) (a) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.6.5 TETUAN INTAN IMPIANA SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Intan Impiana Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/2-12/13
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/68/12 (PECAH FASA)
Tajuk : Permohonan Pecahan Fasa Bagi Cadangan Membina Pembangunan Yang Mengandungi:-
Fasa 1 :-
i) 15 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Lot 18191 – Lot 18205)
ii) 12 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat (Lot 18207 – Lot 18218)
iii) 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat (Lot 18219) Bersama Sebuah Pencawang Elektrik
Fasa 2 :- (Pembangunan Akan Datang)
i) Rumah Bandar Campuran Yang Mengandungi 21 Unit Kos Sederhana 3 Tingkat Dan 14 Unit Kos Bebas 3 Tingkat (Lot P.T. 18190)
ii) 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat (Lot P.T. 18219)
Di Atas Lot Asal 449, Mukim Hulu Kelang, Daerah

Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Nvt Architect Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
: (DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh
16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan
Bangunan ini **ditolak** berikutan cadangan
pembangunan ini perlu dibangunkan bersekali.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

SULIT

2.9 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.9.1 TETUAN DIGI TELECOMUNICATIONS SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.
No. Fail PBT	:	MPAJ.BS.SBBT.740-1/1-12/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.TC.12.13
Tajuk	:	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Jenis 'Unipole' Setinggi 9 Meter Dan Peralatan Suis Telekomunikasi Di Atas Bumbung Kedai Pejabat 4 Tingkat Yang Sediada Di Atas Lot Pt 10985, Premis No. 32A, Jalan BS9, Taman Bukit Segar, Cheras, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding ADUN	:	DE Perunding Sdn. Bhd. Y. B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
Keputusan	:	Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 bertarikh 16 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini ditangguhkan dan pemohon dikehendaki memasang notis bantahan.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.10 HAL-HAL LAIN

2.10.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalam.

- a. Sebanyak 25 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- b. Sebanyak 11 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan.

2.10.2 Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur

Sebanyak satu (1) permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

6.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.16/2013

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**BIL. 16/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA****TARIKH : 26 HB OGOS 2013 (ISNIN)****MASA : 9.30 PAGI****TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ****KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT**

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi)
2.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
3.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
7.	En. Raja Azhar B. Raja Alias	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	En. Mohammad Said B. Timon	JPBD Selangor
9.	En. Tan Chai Oo	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
11.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
12.	En. Nik Mohd Dzarrin B. Ghifari	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
13.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
14.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
15.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
16.	Cik Noor Izzati Bt. Abas	Indah Water Konsortium (IWK)
17.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	POS Malaysia Berhad
18.	En. Mohd Fauzi B. Embong	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
19.	Pn. Asiah Bt. Borhan	SKMM Wilayah Tengah
20.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
21.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
22.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
23.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
24.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
25.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
28.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam
29.	En. Azam B. Husni	Jab. Penguatkuasa

TURUT HADIR

- | | |
|---|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Kamarulnizam B. A. Ghani | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Ruziana Bt. Leemon | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Pn. Nurul Husna Bt. M. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 6. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 8. En. Bahari B. Sulieman | Jab. Perancang Bandar |
| 9. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 10. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 11. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid | Jab. Bangunan Senibina |
| 12. En. Mohd Faizal B. Arshad | Jab. Bangunan Senibina |
| 13. En. Zahari B. Mohd Nor | Jab. Kejuruteraan |
| 14. En. Mohd Khairudin Muhamed | Jab. Kejuruteraan |
| 15. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Yang DiPertua MPAJ | TIDAK HADIR |
| 2. Jab. Kerja Raya Gombak | TIDAK HADIR |
| 3. Jab. Alam Sekitar Selangor | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 5. SYABAS | TIDAK HADIR |
| 6. TNB Distribution Sdn. Bhd. | TIDAK HADIR |
| 7. Jab. Undang-Undang MPAJ | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.08/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2013 telah diadakan pada 26 Ogos 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.7 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Dua (2) Permohonan Pelan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditolak. Satu permohonan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan telah dibentangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat

(LAMPIRAN 1)

2.8 PERMOHONAN SERENTAK

Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan ditangguhkan. Satu (1) Permohonan serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat dan satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan ditangguhkan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Sepuluh (10) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, tiga (1) telah diluluskan dengan syarat, empat (4) dibatalkan dan tiga (3) telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 3)

**2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG
(RUMAH SESEBUAH)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan

(LAMPIRAN 4)

**2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG
(TUKAR GUNA)**

Tiga (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan , dua (2) diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditangguhkan.

(LAMPIRAN 5)

**2.6 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG
(LANJUT TEMPOH)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 6)

**2.7 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG
(CAD. ALAMAT)**

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Cad Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 7)

**2.8 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN
(PERUMAHAN)**

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 8)

2.9 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PELBAGAI)

Dua (2) permohonan Pelan Bangunan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 9)

2.10 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 10)

2.11 HAL-HAL LAIN

2.11.1 Sebanyak 22 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 26 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2013.

2.11.2 Sebanyak 1 Permohonan Pelan lampu Jalan telah diproses dan dibatalkan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2013.

(LAMPIRAN 11)

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang, yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1 (i) TETUAN L.S APPAREL SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan L.S Apparel Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Satu Blok Bangunan 4 Tingkat Yang Mengandungi Pejabat Dan Stor Simpanan Barang, Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Tujuan Tukar Syarat Tanah Di Bawah Seksyen 124 1 (C), Kanun Tanah Negara (K.T.N), Seluas 1.21 Ekar, Di Atas PT 12761 Jalan Ikan Jelawat 2, Seksyen 15, Daerah Hulu Langat, Bandar Ampang, Selangor Darul Ehsan.
No. Fail PBT	:	MPAJ PB.KP/2-16(2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.44.13
Perunding	:	SAM Planners
ADUN	:	Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd. Aziz (DUN Lembah Jaya)
Ulasan	:	<u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 13/2013 pada 10/07/2013 dan telah ditangguhkan kerana masih belum mematuhi ulasan kebenaran merancang yang dikeluarkan oleh jabatan serta keperluan jabatan-jabatan teknikal berkaitan. ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat kerana pemohon telah mematuhi syarat-syarat teknikal.
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar seperti berikut:- a) Menyediakan anjakan sisi bersebelahan

- Lorong Ikan Jelawat 3 sebanyak 40'.
- ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - iii) Menjelaskan bayaran caj pemajuan mengikut Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 N. Selangor yang akan ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta kelak.
 - iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).
 - v) Perlu mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.1 (ii) TETUAN DIGISTAR PROPERTIES SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Digistar Properties Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Bagi Cadangan Merobohkan Sebuah Rumah Banglo Sediada Dan Membina Bangunan Pejabat 3 Tingkat Dengan Sub Basmen Tempat Letak Kereta Di Atas Lot 4 & Pt 500, Jalan Satu, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ PB.KP/2-18(2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.46.13
- Perunding : Konsep Karisma Sdn. Bhd.
- ADUN : Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** kerana masih gagal mematuhi syarat-syarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 seperti berikut:
- i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang yang telah dikeluarkan pada **21/06/2013** iaitu:
 - a) Memberi penjelasan berkaitan dengan

perbezaan keluasan di dalam Pelan Akui adalah 1314 mp dan dokumen hakmilik sementara/ carian rasmi adalah 1326.1475 mp manakala keluasan di dalam pelan susunatur adalah 1294.70 mp.

- b) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan seksyen 204B(KTN) iaitu 'Permohonan Kebenaran Merancang untuk menyerah balik dan memberi milik semula tanah di bawah seksyen 204B (KTN) bagi cadangan merobohkan sebuah rumah banglo sedia ada dan membina bangunan pejabat 3 tingkat dengan sub besmen tempat letak kereta di atas lot 4 & PT 500, Jalan 1, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan'.
 - c) Mengemukakan **Consent Letter** dari **United Overseas Bank Malaysia Bhd** untuk kedua-dua lot PT4 dan PT500 kerana tanah ini telah digadaikan kepada pihak **United Overseas Bank Malaysia Bhd**.
 - d) Menyediakan 13 petak TLM bagi mematuhi Garispanduan Perancangan Khusus Perniagaan di Lot Kediaman sesebuah.
 - e) Mengemukakan laporan penilaian bagi tujuan pengiraan caj pemajuan kerana syarat nyata bagi PT 4 adalah bangunan kediaman.
- ii) Pemohon telah gagal dan telah mengambil masa terlalu lama untuk mematuhi syarat-syarat tangguh iaitu 85 hari daripada tarikh penangguhan tersebut.
 - iii) Mematuhi ulasan PTD Hulu Langat iaitu :
 - a) Mendapatkan kebenaran daripada pemegang gadaian.
 - b) Mematuhi syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Jabatan Teknikal.
 - c) Menggunakan keluasan Lot 26512 dan lot 17962 untuk pelan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan.
 - d) Jika kebenaran merancang diluluskan, pemilik dikehendaki mengemukakan permohonan 'Serah balik dan Pemberimilikan semula' Seksyen 204 KTN ke Pejabat Tanah.

- e) Semua pelan-pelan berkaitan pembangunan tanah dan kerja-kerja di tapak terbabit hendaklah ditangguhkan sehingga urusan dan bayaran berkaitan permohonan 'Serah Balik dan Pemberimilikan Semula' diselesaikan sepenuhnya.
- f) Pemilik/ pemaju hendaklah mendirikan bangunan di dalam tapak/ tanah lot yang diluluskan oleh Kerajaan.
- iv) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan, yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1 (iii) TETUAN S.P.C.A (PERSATUAN MENOLONG HAIWAN)

Pemohon	:	Tetuan S.P.C.A (Persatuan Menolong Haiwan)
No. Fail PBT	:	MPAJ. BS. KB. 740 -1/2 – 05 /2013
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/71/11
Tajuk	:	Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan SPCA Selangor Yang Mengandungi:- I) 1 Blok Penyerahan Dan Pentadbiran 1 Tingkat J) 1 Stor 1 Tingkat K) 1 Rumah Kelab 2 Tingkat L) 1 Rumah Haiwan Berpenyakit 1 Tingkat M) 1 Kandang Anjing 1 Tingkat N) 1 Rumah Sampah 1 Tingkat O) 1 Kandang Kucing Berasingan 1 Tingkat P) 1 Kandang Kucing Berkelompok 1 Tingkat Di Atas Lot Pt 4325 Jalan Kerja Ayer Lama, Taman Ampang Jaya, Mukim Ampang, Selangor Darul Ehsan.
Perunding ADUN	:	Hijjas Kasturi Associates Sdn Bhd Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Ulasan dan Pertanyaan	:	<u>Pengarah Jabatan Bangunan dan Senibina</u> En. Yazid memaklumkan berkaitan perkara pelupusan haiwan yang telah mati, pihak pemohon telah berurusan dengan pihak Alam Flora dan ada

menyediakan tempat sampah dingin beku bersebelahan dengan rumah sampah.

Beliau turut memaklumkan pemohon akan mengekalkan keadaan pokok dan kehijauan sedia ada di tapak sebagai kaedah menangani isu berkaitan bunyi bising.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan

En. Hasrol menyatakan akan menyemak semula jalan keluar masuk seperti yang dicadangkan oleh pemohon untuk memastikan kesesuaian cadangan jalan keluar masuk agar tidak mengganggu atau menambah kesesakan lalulintas sedia ada.

Tuan Pengerusi

Berharap pihak JKR dan Jabatan Kejuruteraan mengambil perhatian berkaitan isu jalan masuk ke tapak cadangan agar dapat diperkemaskan lagi dan papan tanda serta 'road marking' di sekitar tapak perlu diperbetulkan.

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 bertarikh 26 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki :

- v. Mengemukakan surat dan pelan kelulusan kerja Tanah Dan Kerja Infrastruktur dari Jabatan Kejuruteraan.
- vi. Mengemukakan surat sokongan dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.
- vii. Pemohon dikehendaki berbincang dengan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ berkaitan isu jalan masuk ke tapak cadangan agar dapat diperkemaskan lagi dan papan tanda serta 'road marking' di sekitar tapak perlu diperbetulkan.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 2

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.2.1 (i) TETUAN TWIN RIDGE SDN. BHD (KEBENARAN MERANCANG)

- Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 104 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Dan Rumah Kelab 2 Tingkat Bererta Sub-Basement (Gated Community) Di Bawah Seksyen 6 (1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 542, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ/PB.KP/2-32/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.68.13
Perunding : JTC Planners Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
ii) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana masih belum memperolehi ulasan-ulasan daripada jabatan teknikal berkaitan serta belum mematuhi syarat teknikal yang telah dikeluarkan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu:
a) Mengekalkan keluasan kawasan lapang selaras dengan kelulusan pada 14/9/2007 iaitu 3.08 ekar kerana ia merupakan sebahagian daripada 10% keluasan kawasan lapang bagi pembangunan keseluruhan yang meliputi Lot 424, 542, 1215 dan sebahagian Lot 1208 dan 1209.
b) Kemudahan-kemudahan yang disediakan

dalam rumah kelab hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia di dalam pelan susunatur.

- c) Mengemukakan cadangan laluan kecemasan / jalan alternatif yang akan bersambung dengan lot bersebelahan. Pemohon perlu memastikan jalan tersebut dapat dibina di tapak kelak.
- d) Mendapatkan ulasan dan sokongan LUAS kerana tapak bersempadanan dengan sungai.
- e) Mengemukakan surat kebenaran daripada OCBC (M) Berhad (Rujukan No. Perserahan 36157/2005, 36158/2005, 122774/2009) dan UOB (M) Berhad (Rujukan No. Perserahan 122775/2009) kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok.
- f) Mengemukakan anggaran harga jualan setiap unit rumah dan anggaran Gross Development Value (GDV) bagi projek pembangunan ini untuk rujukan pihak Majlis.
- ii) Mematuhi ulasan JPBD iaitu :-
 - a) Menyediakan jalan keluar masuk yang sah selebar 50' dari jalan sedia ada.
 - b) Menyediakan jalan persendirian untuk sehal selebar 30' manakala dua hala selebar 40' termasuk rezab jalan.
 - c) Menyediakan 10% kawasan lapang daripada keseluruhan kawasan tapak cadangan. Kawasan lapang hendaklah disediakan secara berpusat dan di kawasan yang rata.
 - d) Menyediakan pagar/tembok dengan ketinggian maksimum yang dibenarkan adalah 2.7m (9') dengan 33% daripadanya adalah terbuka dan dapat dilihat dari luar.
 - e) Panjang blok deretan bagi perumahan teres/superlink tidak melebihi 97.5m (320').
 - f) Menyediakan lorong pemisah / tepi selebar 20' – jarak dinding ke dinding bangunan. Property break tidak dibenarkan.
- iii) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan dan Senibina dan Bahagian Pembangunan Lanskap MPAJ.
- iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan JPS

Gombak, TNB, IWK, JKR, LUAS, SKMM dan SYABAS.

- v) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

2.2.1.(ii) TETUAN TWIN RIDGE SDN. BHD. (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.C.720-2/20/13/B
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.68.13
Tajuk : Permohonan Pindaan Kerja Tanah Bagi Cadangan Pembangunan 104 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Dan Rumah Kelab 2 Tingkat Beserta Sub-Basement (Gated Community) Di Bawah Seksyen 6(1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 542, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : SNA Consult Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan pemohon masih tidak mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Beliau mengesyorkan permohonan ditangguhkan selaras dengan penangguhan Kebenaran Merancang serta pemohon perlu mematuhi ulasan jabatan dan jabatan teknikal yang berkaitan. Ulasan-ulasan jabatan kejuruteraan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Mengemukakan pelan ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontur serta 'platform level' bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya.
- b) Kerja-kerja pemotongan dan penambakan yang melibatkan tanah persendirian / tanah kerajaan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari pemilik lot (Lot 1170, 1169 dan 1168) tersebut

terlebih dahulu. Sesalinan surat kebenaran tersebut hendaklah dikemukakan.

- c) Mengemukakan pelan kontur bagi kawasan pembangunan yang dicadangkan dan kawasan sediaada serta sekitarnya.
- d) Hendaklah mengemukakan laporan Geoteknikal lengkap bagi cadangan pembangunan yang dikemukakan.
- e) Menunjukkan jalan sediaada yang digunakan bagi tujuan jalan keluar masuk ke tapak pembangunan hingga ke jalan utama.
- f) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- g) Mengemukakan pelan cadangan kerja tanah bagi keseluruhan kawasan pembangunan.
- h) Mengemukakan cadangan pengukuhan tebing sungai yang berhampiran dengan kawasan pembangunan.
- i) Mengemukakan pelan butiran bagi tembok penahan yang dicadangkan.
- j) Menunjukkan di dalam pelan kedudukan tembok penahan yang dicadangkan.
- k) Kerja-kerja penanaman rumput hendaklah dibuat di kawasan yang bercerun.
- l) Mengemukakan pelan keratan rentas menegak dan melintang serta menunjukkan 'platform level' bagi keseluruhan kawasan pembangunan termasuk kawasan jiran bersebelahan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Kebenaran Merancang serta pemohon perlu mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Kumpulan IKRAM ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.1.(iii) TETUAN TWIN RIDGE SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.C.720-2/20/13/B
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.68.13
Tajuk : Permohonan Pindaan Kerja Tanah Bagi Cadangan Pembangunan 104 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Dan Rumah Kelab 2 Tingkat Beserta Sub-Basement (Gated Community) Di Bawah Seksyen 6(1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 542, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : SNA Consult Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan pemohon masih tidak mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Beliau mengesyorkan permohonan ditangguhkan selaras dengan penangguhan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah. Pemohon juga perlu mematuhi ulasan jabatan dan jabatan teknikal yang berkaitan. Ulasan-ulasan jabatan kejuruteraan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

- a) Mengemukakan pelan ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontur serta 'platform level' bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya.
- b) Mengemukakan pelan 'longitud section' bagi jalan yang hendak dibina.
- c) Mengemukakan pelan keratan rentas bagi jalan yang hendak dibina. Pelan butiran bagi keratan rentas tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- e) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

- f) Kerja-kerja penyambungan ke jalan sediaada hendaklah mengikut 'level' dan 'traffic flow' sediaada dan hendaklah ditunjukkan di dalam pelan.
- g) Lebar turapan bagi setiap jalan 40' dan 50' yang dibina hendaklah 8 meter minima.
- h) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' dari kawasan pembangunan yang disalurkan keluar ke longkang sediaada. Detail bagi longkang tersebut hendaklah dikemukakan.
- i) Mengemukakan pelan keratan rentas menegak dan melintang serta menunjukkan 'platform level' bagi keseluruhan kawasan pembangunan termasuk kawasan jiran bersebelahan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah serta pemohon perlu mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Kumpulan IKRAM ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.1.(iv) TETUAN TWIN RIDGE SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-10/13
 No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.68.13
 Tajuk : Cadangan Pembangunan 104 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Dan Rumah Kelab 2 Tingkat Beserta Sub-Basement (Gated Community) Di Bawah Seksyen 6 (1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 542, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Atsa Architect
 ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
 : (DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 bertarikh 26 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras penangguhan

Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Infrastruktur dan pemohon dikehendaki mematuhi ulasan seperti surat bil (2) MPAJ.BS.KB 740-1/2-10/13 bertarikh 31/7/2013.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ
& OSC Pembangunan.**

**2.2.2 (i) TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN. BHD.
(KEBENARAN MERANCANG)**

Pemohon : **Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 10' X 100' Di Parapet Jejantas Pejalan Kaki Dari Persimpangan Taman Kencana / Cheras / Sg.Besi Menuju Ampang/Gombak/Kepong Di Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRRII), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. (Lokasi 2)

Perunding : Carisplan Consultant
No. Fail PBT : MPAJ .KP/7-4/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC. BB.03.13
ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Bangunan MPAJ berkenaan permohonan permit struktur yang dikemukakan.
- ii) Hanya satu papan iklan sahaja yang dibenarkan dipasang pada satu-satu jejantas.
- iii) Tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalulintas pada jejantas.
- v) Tidak menutup pandangan pejalan kaki.
- vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

**Tindakan : OSC Pembangunan,
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2.2 (ii) TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ. BS. SBBT. 740 -1/2-01 /2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/BB/03/13
Tajuk : Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 10'x80' Di Atas Bumbung Jejantas Pejalan Kaki Dari Persimpangan Taman Kencana/ Cheras/ Sg.Besi/ Menuju Ampang/ Gombak/ Kepong Di Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR II), Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Perunding Jas Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Iskandar Bin Abdul Samad
(DUN Cempaka)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 bertarikh 26 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan (Struktur Papan Iklan) ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina, MPAJ seperti surat bil. (3) MPAJ. BS. SBBT 740-1/2-01/2012 bertarikh 20/08/2013.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ,
& OSC Pembangunan.**

**2.2.3 (i) TETUAN HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK SAU DAN
QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **Tetuan How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Sau Dan Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/168A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12
Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Bangunan Tokong 'Sam Poh Thong' 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 12202 Jalan 9a, Kg. Baru Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : AE Consult
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (Dun Lembah Jaya).
Ulasan & : Beliau memaklumkan hasil semakan pihak jabatan
Pertanyaan : mendapati pihak pemohon belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan

spesifikasi yang ditetapkan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Menunjukkan ketinggian tembok penahan di dalam pelan layout dan keratan rentas serta dilengkapi dengan sistem saliran.
- b) Menyediakan 'interlocking paver' di laluan keluar masuk dan perincian berkenaan hendaklah dikemukakan.
- c) 'Wash Trough' hendaklah dari jenis 'I-Beam' dan perlu melalui 'silt trap' sebelum dialir keluar ke longkang sediaada.
- d) Mengemukakan cadangan pemasangan 'hoarding' di sepanjang sempadan kawasan pembangunan dan 'sign board' projek bagi kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.3 (ii) TETUAN HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK SAU DAN QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Sau Dan Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun**

No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/168A

No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12

Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Bangunan Tokong 'Sam Poh Thong' 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 12202 Jalan 9a, Kg. Baru Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : AE Consult

ADUN : Y.B. Tuan Hj. Khasim Bin Abd Aziz (Dun Lembah Jaya).

Ulasan & Pertanyaan : Beliau memaklumkan permohonan disyorkan untuk ditangguhkan selaras dengan penangguhan Pelan

Kerja Tanah sehingga pihak pemohon mematuhi ulasan jabatan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Pemohon hendaklah mengemukakan dua (2) salinan pelan (1 linen dan 1 kertas) jalan dan perparitan kepada pihak jabatan sepertimana senarai semak Majlis. (4 kertas, dan 1 linen).
- b) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- c) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Mengemukakan pelan keratan rentas bagi pelan jalan dan perparitan dengan menunjukkan butiran bagi jalan perparitan.
- e) Mengemukakan pelan 'layout' untuk tanda jalan dan papan tanda jalan serta butirannya. Cadangan tersebut hendaklah mengikut arahan teknik JKR.
- f) Menunjukkan dan mengemukakan cadangan bagi membina struktur longkang kekal sehingga bersambung ke sistem perparitan utama.
- g) Saiz 'culvert' yang digunakan hendaklah tidak kurang dari 900 mm diameter.
- h) Mengemukakan 2 salinan kiraan 'hidraulik' bagi parit tepi jalan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Pelan Kerja Tanah serta pemohon perlu mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.3 (iii) HOW YOK CHU, LEE KWAI HENG @ SEK KAI SAU DAN QUAK GEEK BEE @ SEK KAI MUN (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **How Yok Chu, Lee Kwai Heng @ Sek Kai Sau Dan Quak Geek Bee @ Sek Kai Mun**

No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/5-48/2013

No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/12

Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Bangunan Tokong 'Sam Poh Thong' 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Besemen Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 12202 Jalan 9A Kg.Baru Ampang, Seksyen 15 Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Ng Poh Kwang Chartered Architect

ADUN : Y. B. Khasim bin Abdul Aziz

: (DUN Lembah Jaya)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 bertarikh 26 Ogos 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur dari Jabatan Kejuruteraan

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 3

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Sepuluh (10) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.3.1 TETUAN CICET (MALAYSIA) CORPORATION SDN. BHD.

Pemohon	:	Tetuan Cicet (Malaysia) Corporation Sdn. Bhd.
Tajuk	:	Cadangan Pindaan Kepada Kebenaran Merancang Yang Telah Diluluskan (No.Ruj.(22)Dlm Mpaj11/2/2/90-1) Untuk Pembangunan 2 Blok Kondominium 15-19 Tingkat (126 Unit) Dengan 6 Tingkat Tempat Letak Kereta Bersama 1 Tingkat Kemudahan, Di Atas Lot 1067 GRN 46501, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Perancang Alam Reka
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/2-22 (2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.53.13
ADUN	:	Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Ulasan	:	<u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana terdapat bantahan daripada penduduk berjiran dimana sesi taklimat projek telah diadakan pada 25/07/2013 . Antara isu bantahan ialah: a) Densiti pembangunan yang dicadangkan iaitu 126 unit dengan ketinggian 19 tingkat adalah tidak sesuai dan terlalu tinggi amat tidak bersesuaian dengan keadaan sekeliling iaitu kawasan perumahan sesebuah. b) Jalan keluar masuk ke tapak cadangan yang berkelebaran 40 kaki adalah tidak sesuai dan akan menyebabkan kesesakan lalulintas. c) Keadaan tanah yang bercerun adalah tidak sesuai untuk pembangunan yang berdensiti tinggi.
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditangguhkan berdasarkan perkara-perkara berikut: i) Meminda pelan susunatur dengan

mengekekalkan densiti dan bilangan tingkat seperti kelulusan terdahulu iaitu 63 unit kondominium kerana jalan keluar masuk ke tapak cadangan adalah melalui kawasan perumahan Taman Emas Ukay yang hanya selebar 40 kaki yang boleh menyebabkan kesesakan lalulintas serta mendapat bantahan penduduk atas alasan yang sama.

- ii) Meminda pelan susunatur dengan mengeluarkan kawasan lanskap dan perimeter planting yang berada di dalam kawasan simpanan Sungai Ampang sepertimana ulasan pihak JPS Gombak bertarikh 23/07/2013 dan meminda cadangan pembinaan OSD di bawah jalan yang tidak dipersetujui sepertimana ulasan pihak JPS melalui surat bertarikh 29/07/2013.
- iii) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Teknikal yang lain iaitu SYABAS dan TNB.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ.**

2.3.2 TETUAN TWIN RIDGE SDN.BHD.

- Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn.Bhd.**
 Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan: A. 42 Unit Rumah Mampu Milik Dan 140 Unit Rumah Kos Bebas B. Kemudahan-Kemudahan Asas Seperti Kolam Renang, Tadika, Surau Dan Gimnasium Di Tingkat 3 C. Tempat Letak Kereta Di Tingkat Separa Bawah Tanah 1 & 2 Dan Aras Tanah Hingga Tingkat 2 Di Atas Sebahagian Lot 1210 Dan Pt 5035 (Lot 15908) Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : JTC Planners Sdn. Bhd.
 No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-25 (2013)
 No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.60.13
 ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana masih belum memperolehi ulasan daripada jabatan-

jabatan teknikal berkaitan.

Ulasan Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ

- i) En. Hasrolnizam memaklumkan pihak jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini berdasarkan maklum balas yang dikemukakan pemohon kepada pihak jabatan pada 23/8/2013.

Ulasan Tuan Razali Bin Ramly, Ahli Majlis MPAJ

- i) Mengesyorkan pemohon perlu disyaratkan untuk membina rumah mampu milik bersekali dengan lain-lain pembangunan di atas tapak dan tidak boleh mengemukakan rayuan pengecualian kepada Kerajaan Negeri untuk tidak membina rumah mampu milik berkonsep moden seperti yang dicadangkan.

Ulasan Tuan Abdul Aziz Bin Ahmad, Ahli Majlis MPAJ

- i) Tuan Abdul Aziz mencadangkan inventori bagi rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang telah diluluskan dibuat bagi rujukan dan juga sebagai pemantauan oleh pihak Majlis. Jabatan Perancang, MPAJ juga perlu mendapatkan inventori sedia ada daripada Lembaga Perumahan Dan Pengurusan Harta Negeri Selangor (LPHS) sebagai rujukan.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Mengemukakan Akujanji yang telah dimeterai untuk membina rumah mampu milik bersekali dengan lain-lain pembangunan di atas tapak dan tidak boleh mengemukakan rayuan pengecualian kepada Kerajaan Negeri untuk tidak membina rumah mampu milik berkonsep moden seperti yang dicadangkan.
- ii) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan nombor hakmilik baru iaitu HSD 77463 PT 18255.
- iii) Meminda garisan bangunan bagi dinding ramp aras tanah ke aras bawah tanah ke dalam garisan anjakan bangunan. Garisan bangunan hendaklah berada dalam anjakan bangunan.

- iv) Pemohon perlu melaksanakan pembinaan rumah mampu milik dalam tempoh 2 tahun selepas kelulusan pelan bangunan. Tempoh 2 tahun adalah bermula dari kelulusan pelan dari kelulusan pelan bangunan rumah mampu milik yang telah disahkan oleh Jabatan Bangunan dan Senibina di mana pelan tersebut perlu dikemukakan secara serentak dengan lain-lain pelan bangunan di atas tapak.
- v) Mengemukakan pelan bangunan dan pelan kejuruteraan bagi cadangan tapak perumahan mampu milik dengan pelan untuk pembangunan perumahan yang lain.
- vi) Sijil Kelayakan Menduduki (CF) hanya akan diberikan setelah progres menyiapkan rumah mampu milik mencapai 80%.
- vii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Mengemukakan pelan ukur keseluruhan tapak cadangan serta kawasan sekitar.
 - b) Mengemukakan cadangan/rekabentuk aras tanah serta keratan rentas bagi keseluruhan tapak cadangan.
 - c) Mengemukakan laporan kestabilan cerun sedia ada.
 - d) Menunjukkan dengan jelas laluan keluar masuk dari tapak cadangan sehingga ke jalan utama
 - e) Mengemukakan laporan kesan lalu lintas (TIA)
 - f) Menunjukkan dengan jelas discharge outlet daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - g) Mengemukakan cadangan rekabentuk infrastruktur dan kemudahan awam berkonsepkan bandar selamat.
 - h) Mendapatkan ulasan dan sokongan JPS.
- viii) Mematuhi ulasan JPBD Selangor iaitu:
 - a) Menyediakan jalan keluar masuk selebar 15.2m (50')
 - b) Menyediakan kemudahan kawasan lapang dan rekreasi mengikut piawaian 1000 penduduk / 2 hektar yang merangkumi kemudahan padang permainan, taman atas bumbung serta lain-lain kemudahan.
 - c) Menyediakan lain-lain kemudahan yang berkaitan seperti surau, tadika, dewan,

kediaman OKU, pejabat pengurusan, bilik sampah dan lain-lain kemudahan mengikut keperluan PBT.

- ix) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Bangunan dan Senibina MPAJ.
- x) Mendapatkan ulasan dan sokongan JPS Gombak, TNB, IWK, JKR, LUAS dan SYABAS
- xi) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ.**

2.3.3 TETUAN TWIN RIDGE SDN.BHD.

Pemohon	:	Tetuan Twin Ridge Sdn.Bhd.
